



UTUSAN KAMPUS

Bil 2/2015 Terbitan Jan - Mei 2015 | Edaran Dalaman Sahaja



Rekaan oleh: Safwan
Gambar oleh: Brenda

Menara Jam Ikon Baru UMS

Oleh Siti Nur Hidayah

Menara jam setinggi 9 kaki di tengah bulatan besar Universiti Malaysia Sabah kini ternyata menjadi salah satu tarikan umum pelajar dan pelancong yang datang ke UMS. Ia diilhamkan oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah dan dilancarkan sempena sambutan Ulangtahun UMS ke-20 tahun lepas.

Tambahan pula, UMS merupakan satu-satunya Institusi Pengajian Awam (IPTA) yang mempunyai menara jam di dalam kampus.

KOLEJ AB RASMI JADI KOLEJ TUN MUSTAPHA



YBHG Datuk Amir Kahar Tun Datu Mustapha (kiri) melaksanakan simbolik penjenamaan kolej kediaman sambil disaksikan oleh (dari kiri) Datin Aminah Ambrose, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan Dr. Nizam Nazarudin

Oleh Afihasanah Ahmad Laili

KOTA KINABALU- Kolej Kediaman Anugerah Bestari yang dulunya bakal bergelar Kolej Tun Mahathir secara rasminya kini dikenali sebagai Kolej Tun Mustapha.

"Kami dimaklumkan pada awalnya kolej ini diberi nama Kolej Tun Mahathir. Tapi bila tiba masa penjenamaan, bertukar pula," kata Timbalan Pengetua Kolej Kediaman Anugerah Bestari Herman Sallah.

"Bukan bermaksud saya tidak menghargai nama yang baru, tapi maklum awal sudah dibuat oleh Naib Canselor semasa perutusannya tahun 2014 lalu. Semangat kami dengan nama yang satu dalam Malaysia itu seakan ke depannya membawa harapan bahawa kolej AB ke arah melahirkan lebih banyak pemikir seperti Tun Dr Mahathir," jelas beliau lagi.

Walau bagaimanapun, Joiner Juan, 23, selaku Exco Sukan dan Rekreasi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAK-MAS) berkata nama Tun Mahathir dimaklumkan tidak dapat digunakan kerana tidak mendapat kebenaran Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Pengetua dimaklumkan oleh pihak atasan seterusnya memaklumkan kepada kami (barisan JAKMAS) bahawa nama beliau (Tun Mahathir) tidak dibenarkan diguna pakai oleh pihak Tun sendiri memandangkan beliau masih lagi hidup," jelasnya ketika ditemui di Kolej Kediaman Tun Mustapha sehari selepas perasmian penjenamaan kolej tersebut.

Manakala bagi mantan Yang Di-Pertua JAKMAS sesi lalu, Zainald Zainuddin, 23, kecewa dengan pihak pentadbiran kerana membuat keputusan tanpa berunding terlebih dahulu.

"Ini masalah pentadbiran dalam membuat keputusan tanpa mengikut prosedur. Sepatutnya pihak UMS berjumpa atau berunding dengan pihak Tun sebelum menguar-uarkan hal ini," jelas mantan YDP JAKMAS yang telah pun membawa nama Tun Mahathir ketika pentadbirannya dalam menjalankan program.

Antara penggunaan nama Tun Mahathir sejak dihebahkan oleh Naib Canselor UMS pada perutusannya tahun 2014 adalah Pertandingan Mencipta Logo dengan hadiah wang tunai dan bilik penempatan serta sempat juga membawa nama Kolej Tun Mahathir ke luar dalam Program Kolej Bersama Masyarakat Siri Ke-6 (PKBM) di Singaron tahun lalu.

pengendalian kapal laut dan pesawat di pelabuhan antarabangsa," tambahnya lagi.

Beliau turut memaklumkan bahawa sejak era Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua, merupakan titik tolak kepada permulaan dasar bukan penjaran sebagai formula baru terhadap dasar luar.

"Sejak itu, dasar luar Malaysia telah konsisten sebagai satu cara untuk meningkatkan hubungan diplomatik dengan semua negara tanpa mengira perbezaan mereka dalam ideologi dan sistem politik," katanya lagi.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Argentina Marcos A. Bednarski.

DOTA ARGENTINA DEKLARASI PERKONGSIAN TEKNOLOGI PENYELIDIKAN RUMPAI LAUT

Oleh Afihasanah Ahmad Laili

Kota Kinabalu, 25 Mac - Lawatan Duta Besar Republik Argentina, Maria Isabel Rendon ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) membawa khabar baik melalui perkongsian teknologi dalam penyelidikan rumpai laut.

"Kedudukan kampus yang strategik, terletak di tengah-tengah Asia Tenggara, dan diperkaya dengan sumber-sumber yang belum diterokai dalam sumber marin dan semula jadi, boleh digunakan melalui perkongsian teknologi dengan Argentina," kata Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah dalam ucapannya di Canselor, UMS kelmarin.

Maria Isabel Rendon yang menyampaikan ceramah bertajuk 'Argentina-Malaysia Perhubungan: Kini dan Masa Depan' berkata memaklumkan bahawa beberapa perjanjian dua hala antara Malaysia dan Argentina telah ditandatangani selama ini, seperti Perjanjian Perdagangan, Perjanjian Kerjasama Ekonomi Perdagangan, Kerjasama Saintifik dan Teknikal, Perjanjian Pengangkutan Udara dan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pelancongan.

Mengenai pelaburan Argentina di Sabah, Maria Isabel Rendon berkata Industri Metalurgias Pescarmona (IMPSA), sebuah syarikat terkemuka Argentina telah bertapak di sini sejak tahun 2010 dalam kontrak memulihkan Tenom Pangli loji tenaga hidro di Sungai Padas. Projek ini telah berjaya memulihkan tiga turbin bagi membekalkan tenaga yang boleh diperbaharui kepada 150,000 isi rumah.

Harun berkata mengikut pengalaman lepas, pertukaran ekonomi bersama antara Argentina dan Malaysia telah menguntungkan kedua-dua belah pihak.

"Statistik pada tahun 2011 menunjukkan pertukaran perdagangan merangsang kedua-dua negara," jelas Naib Canselor UMS.

"Dengan perjanjian bersama yang ditandatangani antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Republik Argentina sebelum ini, kerajaan Argentina telah mendapat pengecualian cukai ke atas pendapatan daripada

Forum Perjanjian Malaysia: Hak Sabah - Anifah

Oleh Marianie bt. Mohd Hassan

Kota Kinabalu, 18 Mei - Forum Seranta dan Diplomasi Awam diadakan sekali lagi dalam siri kedua selepas siri pertama pada Mac lalu.

Forum kali ini masih menampilkan Datuk Seri Anifah Aman, Menteri Luar Negeri sebagai moderator dan juga salah seorang panel.

Forum yang dihadiri kira-kira 500 hadirin itu mendapat pelbagai reaksi serta pendapat daripada tetamu dan pelajar yang mengahdirinya.

Amy Gadarish Taisih, 22, pelajar tahun dua bidang Sejarah berpendapat forum kali ini tidak mempunyai banyak perbezaan dengan sebelumnya kerana masih membawa intipati topik yang sama.

"Perbezaan yang saya dapat lihat kali ini cuma kupasan yang lebih mendalam terhadap Perkara 20 Sabah," kata Amy.

Beliau tertarik untuk menyertai forum ini untuk kali keduanya kerana baginya selaku orang Sabah, beliau perlu mengambil tahu perihal Perkara 20 Sabah dan juga isu yang dikatakan berlaku ketirisan dalam memenuhinya.

"Forum ini menarik namun agak kurang peserta... mungkin kerana disebabkan oleh tajuk forum yang kurang menarik bagi mereka atau juga mereka menjangkakan forum kali ini sama sahaja dengan yang lalu," tambahnya.

Pada forum kali ini juga, Datuk Seri Anifah Aman yang sekali lagi menjadi moderator mengumumkan bahawa satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan untuk membincangkan tentang isu berbangkit hak Sabah dan rakyat Sabah itu sendiri.

Beliau menyifatkan bahawa melalui forum ini ia dapat membantu menjawab sedikit sebanyak ketidakjelasan yang berlaku dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam soal tuntutan keadilan dalam pemilihan kewarganegaraan.

"Nilai utama yang mampu saya perolehi dalam forum ini adalah perlunya Perkara 20 tersebut untuk diteliti semula dan pelaksanaannya juga perlu dilakukan dengan telus dan efisien untuk menjamin keadilan dan supaya tidak ada mana-mana rakyat Sabah yang berasa dianaktirikan dan tersisih oleh Kerajaan Persekutuan," kata beliau.

Bagi beliau juga, forum sebegini seharusnya tetap diadakan untuk mewujudkan masyarakat yang sedar dan peka akan perihai sejarah serta hak-hak mereka yang perlu diketahui.

"Saya amat menyukai forum ini kerana ia dapat membuka minda saya sebagai mahasiswi untuk berfikir secara lebih kritikal dan berusaha mendengar pendapat dari pelbagai pihak untuk mengelak timbulnya isu berat sebelah,"

"Pada pendapat saya, saya lebih bersetuju forum ini lebih kepada sebab untuk mengekspresikan pendapat dan juga untuk memperjelas dengan lebih terperinci 20 Perkara yang disebut-sebut," tambahnya.

Manakala bagi Fitriani Ridwan, 21, pelajar Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perniagaan, beliau menyatakan bahawa ini adalah kali kedua beliau menghadiri forum ini.

"Forum kali ini bagi saya tidak jauh bezanya dengan siri pertama dahulu tetapi pada kali ini perbezaan yang saya dapat lihat adalah penyampaian mengenai Perkara 20 Sabah yang lebih mendalam dan cara penyampaian yang lebih baik dan santai berbanding yang lepas," kata beliau ketika ditemubual.

Bagi Fitriani, beliau menghadiri sekali lagi forum ini adalah kerana ingin mengetahui kesinambungan kupasan mengenai Perkara 20 Sabah daripada panel-panel yang hadir.

"Saya menantikan kupasan serta kritikan daripada tetamu serta hadirin yang ada... mungkin ada suatu pandangan dari perspektif baru yang dapat saya perolehi," kata beliau yang berasal dari Sabah.



Dr. Ramzah Dambul antara panel forum (empat dari kiri) bersama peserta yang hadir.

Beliau menyifatkan forum ini agak menarik tetapi sedikit kecewa kerana penyertaan kali ini tidak mendapat sambutan yang memberangsangkan seperti pada siri pertama sebelum ini.

Beliau turut mengatakan bahawa forum seperti ini berguna lebih-lebih lagi untuk menjelaskan serta memberi kefahaman terhadap sesebuah isu bagi mengurangkan pergeseran dalam kalangan masyarakat.

"Bagi saya, sangat wajar forum sebegini diadakan pada masa akan datang... sebagai medium untuk menyuarakan pandangan, kritikan serta ketidakpuasan hati tetapi melalui cara beretika dan beradab," tambah beliau lagi.

Fitriani juga memandang forum ini sedikit sebanyak berbau politik namun tidak menafikan forum ini bermanfaat serta bersandarkan pada paksi luahan pendapat dan pengetahuan.

Antara panel yang hadir ialah mantan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Yong Teck Lee, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan, penerjah Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Dr. Ramzah Dambul, peguam persekutuan, Edmund Bon, Ansari Abdullah dan Zainal Ajmain.

UMS Merungkai Isu GST Buat Mahasiswa



Forum GST dilangsungkan bagi menjawab persoalan pelajar tentang pelaksanaan GST.

Menurut para panel, fakta media massa adalah sangat berbeza dengan pendedahan secara terus mengenai GST.

Selain menjelaskan bahawa GST merupakan satu kaedah atau cukai yang dilaksanakan untuk para pengguna bagi memperoleh pendapatan negara.

Isu yang ditimbulkan ialah harga barang naik selepas pelaksanaan GST sedangkan sebelum ini sistem cukai SST sudah cukup baik berbanding cukai GST mengenakan kadar cukai 6% terhadap sesuatu barangan.

Antara persoalan hangat yang turut dibangkitkan pada masa itu ialah mengenai kenaikan yuran belajar yang menyebabkan pelajar tidak berpuas hati dengan sistem cukai GST.

Menurut salah seorang mahasiswa UMS Dominic Luis, pelajar tahun 3 Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, beliau merasa berpuas hati dengan forum tersebut kerana para panel jempolan dapat memberi jawapan bagi setiap persoalan yang dikemukakan oleh mahasiswa.

Beliau berkata, "GST merupakan satu kaedah atau cukai yang dilaksanakan untuk para pengguna bagi memperoleh pendapatan Negara."

"Pada pendapat saya, GST sememangnya bagus untuk pendapatan Negara. Akan tetapi kerajaan harus meneliti kesan terhadap rakyat khususnya golongan sederhana juga pelajar. Apabila semua kenaikan harga barang berlaku, ini menyebabkan rakyat tidak berpuas hati. Berbalik kepada pendedahan pula, kerajaan seharusnya melaksanakan pendedahan secara terperinci kepada masyarakat dan bukan hanya media massa yang hanya sekadar memutarbelitkan masyarakat," tambahnya pada akhir kata ditemubual.

Oleh Kattiny Anak Bantan

Kota Kinabalu, 23 April - Berikutan daripada rungutan mahasiswa yang tidak berpuas hati dengan sistem percukaian GST, satu forum khas telah diadakan di UMS.

Forum ini telah diadakan di Kolej Kediaman Tun Fuad Stephens bermula dari jam 8 malam. Forum Isu Semasa "Anda Soal, Saya Jawab" merupakan satu forum khas yang diadakan bagi mendedahkan dan memberi kesedaran kepada mahasiswa UMS mengenai kepentingan dan kebaikan GST (Goods and Services Tax) kepada mahasiswa UMS.

Panel Pemikir dari Jabatan Hal Ehtwal Khas Lokman Noor Adam berkata ada beberapa sebab mengapa harga barang naik selepas pelaksanaan GST.

Antaranya, stok lama dari peniaga yang terpaksa dituntut dan jika tidak dituntut ia akan menjadi cukai tambahan, cukai jualan dan cukai GST bercampur dalam satu barangan. President Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mewakili pelajar UMS Al-Farid Abraham dalam forum tersebut telah menyuarakan pandangannya bagi pihak pelajar di UMS mengenai ketidakpuasan para pelajar mengenai isu ini.

Beberapa panel khas telah dijemput antaranya wakil Bahagian Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Cik Nurifia Suriani, wakil Jabatan Kastam, Tuan Nasip Usop, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Puan Noralifa Sundang serta penerjah Fakulti Perakaunan, Ekonomi dan Perniagaan (FPEP), Encik Rozaidi Mahadi dijemput untuk memberikan penjelasan dan pandangan mereka mengenai pelaksanaan cukai GST dalam konteks mahasiswa.

KIARA MEDIUM IDEA BARU

Oleh Jaidin Sabudin

Kota Kinabalu, 30 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah (SPRUMS) tampil sekali lagi dalam Program Karnival Integriti dan Anti Rasuah Peringkat Negeri Sabah (KIARA) yang berlangsung di Pusat Dewan Kuliah baru-baru ini.

Program KIARA ini dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Shamsun Baharin Bin Haji Mohd Jamil, Pengarah Bahagian Pendidikan dan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Program ini juga turut melibatkan beberapa agensi khas antaranya Bahagian Pembangunan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Kolej Kediaman Tun Fuad UMS, Bahagian Psikologi Hal Ehwal Pelajar UMS, Sekretariat Pencegahan Rasuah dan mahasiswa UMS.

Objektif program KIARA ini bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang mempunyai nilai integriti dan rasa tanggungjawab dalam memerangi gejala rasuah dan menjadi medan bagi generasi baru melontarkan dan memberi idea baru dalam membanteras anti rasuah.

Menurut Dato' Shamsun Baharin Bin Haji Mohd Jamil, generasi Y perlu mengorak dan mencorak pembangunan dan pematapan integriti serta perlu mempersiapkan diri dengan nilai-nilai murni dalam menjadi pelapis kepimpinan negara akan datang.

"Program KIARA ini merupakan satu medium terbaik untuk generasi baru untuk menyuarakan idea-idea bernas untuk berdiskusi bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dari segi nilai integriti, disiplin, semangat kental dan berperibadi yang utuh," kata beliau.

Pengarah Program KIARA Muhamad Izzat Islam Bin Mohd Noor, Program KIARA ini adalah amat bersesuaian dengan generasi baru kerana program bukan sahaja menyediakan informasi anti rasuah tetapi turut mengasah bakat dan mengukuhkan jati diri pelajar.

"Harapan saya dalam program ini mampu menyerap lebih ramai mahasiswa menyertai sekaligus memuk serta melahirkan mahasiswa yang jati diri yang tinggi," tambahnya lagi.



Jawantankuasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah.

Pameran Buku Kurang Dapat Sambutan pada Hari Kedua

Oleh Andyrias Anak Alat

Kota Kinabalu, 30 April - Pameran buku diadakan di perkarangan letak kereta Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang memasuki hari kedua ternyata kurang mendapat sambutan daripada pengunjung.

Menurut seorang pelajar yang berkunjung ke pameran buku tersebut, Juliana (bukan nama sebenar), 22, berkata, kemungkinan kurangnya sambutan daripada pengunjung ataupun para pelajar UMS di pameran buku tersebut adalah disebabkan oleh faktor cuaca yang agak panas pada hari tersebut.

"Cuaca yang agak panas ini mungkin antara faktor yang menyebabkan kurangnya pengunjung atau pelajar di pameran buku pada hari ini dan saya rasa tidak hairanlah suasana di pameran buku ini kelihatan agak lengang," katanya.

Menurutnya lagi, kemungkinan kurangnya pengunjung yang berada di pameran

tersebut juga adalah para pelajar telah menyedari bahawa jurujual di pameran tersebut tidak menerima baucar buku 1Malaysia yang telah diterima oleh para pelajar.

"Pada hari pertama, pameran buku ini dikunjungi oleh ramai pelajar dan para pelajar menyedari bahawa jurujual di pameran buku tersebut tidak menerima baucar buku 1Malaysia yang telah diterima oleh para pelajar," katanya.

Syarikat telekomunikasi seperti OPPO, Digi dan Vivo turut terlibat membuat pameran sepanjang pameran buku ini diadakan.

Terdapat juga jualan pakaian, aksesori, makanan dan minuman yang diadakan dalam pameran tersebut.



Keadaan pameran buku di perkarangan letak kereta kelihatan sunyi pada hari kedua.

diselenggara, kami terpaksa tangguhkan ke tarikh 26 September ini nanti. Kami tidak mahu mengadakan fiesta ini di tempat lain ekoran 11 kali fiesta ini diadakan semuanya diadakan di Dewan Canselor. Kami tidak mahu memecahkan tradisi Fiesta Cahaya yang berturut-turut diadakan di Dewan Canselor," tambah Siva.

Siva juga berkata, setakat ini persiapan yang sudah ahli jawatankuasa Fiesta Cahaya laksanakan ialah dari segi latihan persembahan, pelan perhiasan dewan, jemputan-jemputan tetamu kehormat dan juga promosi-promosi untuk menarik orang ramai.

Ahli jawatankuasa Fiesta Cahaya juga turut mengadakan pra-Fiesta Cahaya sebagai tanda pelancaran yang menayangkan persembahan tarian masyarakat India, lukisan kolam dan juga jualan makanan masyarakat India di Dewan Kuliah Pusat baru UMS dan foyer perpustakaan.



Kempen Hijab Makes You Beautiful dianjurkan di UMS bagi tujuan mendidik siswi UMS supaya berhijab dengan baik.

Kempen Hijab Didik Siswi Muslimah Berhijab Dengan Sempurna

Oleh Dorina Sebom

Kota Kinabalu, 15 April - Mahasiswa Islam di UMS digalakkan berhijab dengan sempurna mengikut ajaran Islam yang sebenar selaras dengan kempen *Hijab Makes You Beautiful*.

"Kempen *Hijab Makes You Beautiful* ini bertujuan bagi mengajak para siswi khususnya Muslimah untuk menutup aurat dengan lebih sempurna dari aspek cara pemakaian pakaian mereka" kata Nurliana Arappe, Timbalan Presiden MPP UMS.

Tambah beliau lagi, kempen ini turut beri perhatian terhadap gaya pemakaian siswi bukan muslimah supaya mereka juga turut mengamalkan cara berpakaian yang kemas dan sopan.

Kempen ini julung kalinya telah dianjurkan di foyer perpustakaan

Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama *Mr the All Shared*, seorang pendakwah muda.

Antara yang menarik sepanjang tiga hari kempen ini dianjurkan ialah siswi bukan Muslimah juga turut datang bagi mencuba untuk berhijab.

Mereka meluahkan rasa terkejut kerana ternyata penampilan mereka berbeza daripada sebelum ini.

Oleh itu, mereka berharap agar kempen ini akan dianjurkan untuk kali yang kedua bagi memberikan pengajaran kepada siswi-siswi di UMS ini supaya sentiasa menjaga penampilan berpakaian mereka bagi mengelakkan gangguan seksual berlaku.

UMS Julung Kalinya Adakan Bengkel Penulisan Skrip Drama TV

Oleh Azri Johari

Kota Kinabalu, 13 Mei - Program Teknologi Seni Visual, Universiti Malaysia Sabah (UMS) buat pertama kalinya telah menganjurkan satu Bengkel Penulisan Skrip Drama TV yang berlangsung pada 12 Mei 2015.

"Bengkel ini julung kalinya diadakan di UMS dan akan memberikan manfaat kepada semua peserta yang hadir kerana dengan adanya bengkel ini mampu melahirkan penulis skrip yang berkualiti dan mampu menandingi skrip-skrip filem yang dihasilkan oleh negara lain," kata Pengarah Syarikat Mutiara Picture Sdn Bhd Asmarin Karabeska semasa merasmikan majlis penutupan bengkel penulisan skrip di Dewan Resital UMS.

Bengkel penulisan skrip drama TV ini dikendalikan oleh syarikat beliau yang bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang asas dalam penulisan skrip serta bagaimana menghasilkan penulisan skrip yang baik.

"Tujuan penganjuran bengkel penulisan skrip ini sebenarnya adalah untuk memperkenalkan asas penulisan skrip serta kami mahu melahirkan orang yang berkualiti dari segi penulisan skrip sebab kadang-kadang terdapat

orang yang buat skrip keluar daripada tajuk asal yang diberikan," kata Nurul Iera Naziera George Abdullah, 21, pengarah bengkel penulisan skrip drama TV ketika ditembual.

Aktiviti program bengkel penulisan skrip ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu ceramah, mengkaji filem dan bengkel iaitu pertandingan sinopsis skrip terbaik.

Dalam aktiviti ceramah Encik Asmarin memberikan pendedahan tentang asas dalam penulisan skrip serta cara penulisan sinopsis, isi dan penutup yang baik dalam sesebuah skrip.

Para pelajar juga diminta mengkaji filem "Selamat Pagi Cikgu" yang dihasilkan oleh pensyarah FKSU dalam program Penghantar Pengurusan Seni Dr. Zairul Anuar Md. Dawam kerana filem ini mempunyai penulisan skrip yang baik sehingga menjadi filem pertama terbaik di Sabah.

Penganjuran bengkel penulisan skrip drama TV ini memberikan banyak kebaikan kepada pelajar kerana ilmu penulisan skrip ini bukan sesuatu yang mudah khususnya dalam menulis skrip tersebut, kata Nurul pada akhir kata.



Pengarah Mutiara Picture Encik Asmarin Bin Karabeska (tengah) bergambar dengan peserta Bengkel Penulisan Skrip Drama TV



Pemasangan Jalur Lebar Bantu Pelajar UMS

Oleh Jaidin Sabudin

Kota Kinabalu, 14 Mei - Pelaksanaan jalur lebar (*wifi*) di setiap Kolej Kediaman Universiti Malaysia Sabah (UMS) sangat membantu para pelajar UMS setelah sekian lama isu ini diperjuangkan oleh mahasiswa.

Pemasangan jalur lebar ini telah diperjuangkan para pelajar sekian lama ekoran daripada pelbagai masalah dalam kalangan pelajar untuk mengakses internet dan memudahkan proses pembelajaran dan pelajaran selari dengan konsep *e-learning* pada masa kini.

Menurut pelajar Kolej Kediaman Tun Mustapha, Muhammad Fakrul Razi, 21, berpendapat, dengan adanya *wifi* di setiap blok Kolej Kediaman telah memudahkan pelajar untuk akses sistem maklumat pelajar dengan lebih mudah dan sistematik yang mana pelajar tidak perlu ke perpustakaan untuk mendapatkan internet.

Pelajar Kolej Kediaman Sri Angkasa, Syahidatun Malini Binti Hj Taulani, 21, pula kata pemasangan *wifi* dalam kolej kediaman ini sememangnya memberi kebaikan kepada para pelajar.

"Kesan pemasangan jalur lebar ini lebih menjimatkan perbelanjaan pelajar kerana sebelum ini pelajar terpaksa membeli data internet yang mahal untuk mengakses internet atau terpaksa pergi ke perpustakaan untuk mendapatkan jaringan internet," tambahnya.

Pemasangan ini juga bertujuan untuk melahirkan

mahasiswa yang bukan sahaja celik IT tetapi juga menggalakkan penerokaan ilmu baharu khususnya dalam bidang teknologi sekaligus menerapkan pelajar belajar secara *e-learning*.

Pelajar Hubungan Industri, Dorina Bullet Anak Nading 22, berkata pula, *wifi* adalah di antara nadi pelajar bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, justeru itu pemasangan *wifi* ini seharusnya sudah berlaku dari dahulu lagi.

Pandangan sama juga dilontarkan oleh pelajar Seni Kreatif Norhashimah Binti Shahrom, 23, beliau menekankan pemasangan *wifi* terlalu sensitif dalam kalangan pelajar kerana isu ini sering disuarakan tetapi baru mendapat perhatian.

"Apa yang saya ingin katakan di sini adalah sebagai pelajar, saya mengalami masalah untuk dapatkan akses baik terutama dalam menyiapkan projek akhir, saya yakin masalah ini bukan sahaja melibatkan diri saya malah turut melibatkan pelajar, pensyarah, kakitangan UMS dan sebagainya," tambahnya lagi.

Pemasangan jalur lebar di kolej kediaman juga amat membantu pelajar dalam proses mencari bahan pelajaran menggunakan internet di samping pelajar turut digalakkan oleh para pensyarah untuk menghantar tugasan melalui email, perbincangan dalam *Facebook* dan juga pelajar turut menjawab soalan tugasan menggunakan media sosial.



Barisan jawatankuasa yang bergambar bersama Kolam berhasrat untuk menarik lebih peserta untuk Fiesta Cahaya pada semester akan datang.

Fiesta Cahaya Bakal Tarik 3000 Penonton

Oleh Kattiny Anak Bantan

Kota Kinabalu, 14 Mei - Fiesta Cahaya, aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh Sekretariat Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (SEKWM) dengan Kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah dikatakan bakal menarik 3000 penonton.

Fiesta Cahaya yang memaparkan adat dan budaya masyarakat India dengan membawa tema yang berbeza sepanjang tahun sangat mengujakan dan menarik perhatian orang ramai untuk menonton dan mengetahui lebih lanjut mengenai fiesta tersebut.

Menurut pengarah fiesta cahaya ini, Sivabalan Natarajan, pelajar tahun dua dari program Sejarah di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) berkata, "Fiesta Cahaya kali ini akan bertemakan 'Unsung Dances' atau tarian-tarian masyarakat India dari luar bandar seperti tarian petani, golongan nelayan dan tarian Khatakali yang hampir hilang ditelan zaman,"

"Ini merupakan Fiesta Cahaya yang ke-12. Saya anggarkan kali ini kami bakal menarik 3000 penonton kerana Fiesta Cahaya yang lalu telah dihadiri oleh 2000 orang penonton sama ada daripada orang awam mahupun mahasiswa UMS. Kami juga telah menjual 200 keping tiket selama 2 hari sahaja. Ini meyakinkan saya Fiesta kali ini dikunjungi ramai penonton," kata Siva.

Tambah Siva lagi, perkara yang menarik ramai orang untuk menonton Fiesta Cahaya ini ialah dengan adanya persembahan tarian-tarian masyarakat India yang pelbagai, lukisan kolam, jualan manisan, snek masyarakat India, lukisan inai (Mehendi Corner) dan juga movie mania.

"Pada awalnya, kami ingin mengadakan Fiesta Cahaya ini pada 16 Mei, namun, ekoran masalah lokasi fiesta di Dewan Canselor UMS yang sedang

Budaya EcoCampus Perlu Diteruskan Untuk Lahir Mahasiswa Yang Cergas

Oleh Mohd Azlan Rosliah

Kota Kinabalu, 2 April – Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini telah melancarkan kempen EcoCampus dengan menggalakkan mahasiswa berbasikal dalam kampus yang telah dilancarkan oleh Naib Cancellor, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah pada Mac 2015 yang lalu.

Tujuan pelaksanaan kempen tersebut adalah bertujuan untuk mempraktikkan serta menyemarakkan lagi budaya Eco-Campus dalam kalangan mahasiswa melalui aktiviti-aktiviti yang berfaedah misalnya berbasikal ke kuliah yang juga boleh dijadikan sebagai aktiviti harian dalam kampus.

Selain itu, pelaksanaan kempen tersebut juga bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai mesra alam serta memberikan kesedaran kepada golongan penuntut berkenaan kepentingan untuk menjaga kesihatan agar sentiasa cergas dan bergiat aktif.

Menurut Rabiatal Adawiyah, 22, program Geografi, kempen seperti ini adalah amat bersesuaian dengan tema EcoCampus selain turut memberikan pelbagai kemudahan serta kelebihan dan manfaat kepada golongan penuntut.

*Amalan berbasikal dalam kampus adalah

suatu yang baik kerana ianya mampu memberi manfaat kepada pelajar terutama kepada kesihatan malah kepada alam persekitaran," katanya.

Penglibatan Naib Cancellor UMS semasa pelancaran kempen tersebut telah meningkatkan lagi semangat dalam kalangan mahasiswa untuk bersama meneruskan serta mengamalkan budaya ini.

UMS juga telah melancarkan promosi basikal elektrik dengan kadar sewaan sebanyak RM30 sebulan berserta servis penyelenggaraan secara percuma kepada semua pelajar bermula tarikh pendaftaran pada 18 hingga 22 Mei ini.

Program yang bertemakan EcoCampus ini perlu diteruskan agar tidak hanya berhenti di situ sahaja, pihak UMS juga telah banyak melakukan program seperti ini kerana UMS merupakan universiti pertama dalam negara yang mewujudkan tema EcoCampus ini.

Program yang pernah dijalankan oleh pihak UMS adalah seperti *Borneo Eco Film Festival* untuk memupuk kesedaran mahasiswa, *Larian Eco Campus* sempena ulang tahun UMS ke-20 pada 16 Nov tahun lalu, dan Program *My Tree Progress For New Students*.

25 Sertai 'Jejak Ilmu' Ke Seberang-Indonesia

Oleh Shiela Ismail

Kota Kinabalu, 27 April - Jejak Ilmu Ke Negara Seberang telah melibatkan seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada pelajar lepasan ijazah, pensyarah FPP dan wakil-wakil dari Perpustakaan UMS dan PPM.

Program ini dianjurkan oleh Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) dengan kerjasama Perpustakaan UMS dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) Sabah dengan tujuan memberi peluang kepada pelajar UMS untuk memupuk kerjasama dengan universiti-universiti dari aspek dokumentasi perkongsian pengetahuan, kemahiran, teknologi, dan koleksi bahan-bahan rujukan.

Menurut salah seorang pelajar Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Mohd Rahmat bin Abdullah, 22, pelajar bidang TESL berkata bahawa program tersebut sememangnya mampu membuka minda pelajar kerana program itu telah membawa pelajar ke luar Negara dan secara langsung

mengajar mahasiswa mengenai cara masyarakat Indonesia mendapatkan ilmu dan program ini adalah salah satu inisiatif pihak UMS yang segar dalam berkongsi ilmu.

Program ini telah diadakan dari 20 April selama lima hari di negara seberang, Indonesia iaitu bermula pada hari Sabtu sehingga Khamis.

Program ini turut membolehkan peserta menggunakan teknologi yang terkini untuk digunakan dalam bidang akademik selain untuk pembangunan infrastruktur, ekonomi, budaya, adat dan bahasa.

Program tersebut juga turut bincangkan mengenai program mobiliti pelajar dan kerjasama yang melibatkan pengetahuan, seminar penyelidikan dan pembentangan kertas penyelidikan oleh para peserta.



Keadaan dalam dewan semasa bengkel latihan Persidangan Parlimen Mahasiswa.

DUNNS Julung Kali Persidangan Parlimen Bagi Mahasiswa

Oleh Nuratiqah Darus

Kota Kinabalu, 22 April – Dewan Undangan Negeri Sabah (DUNNS) julung kalinya memparlimen mahasiswa melalui bengkel Latihan Persidangan Parlimen Mahasiswa di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 18 April hingga 21 April.

Bengkel latihan persidangan parlimen telah dihadiri oleh Naib Cancellor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Timbalan Naib Cancellor, Pemangku Pendaftar, Ketua Pustakawan, para pegawai Kanan Universiti, pegawai penyelaras MPP dan Jakmas dan Perwakilan Pelajar UMS sesi 2014/2015 dan barisan kepimpinan.

"UMS merupakan Universiti Awam dalam Malaysia yang pertama dapat mengadakan Parlimen Mahasiswa di DUN dan pertama selepas Persidangan Parlimen Mahasiswa peringkat kebangsaan tersebut", kata Naib Cancellor Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.

Majlis perasmian program tersebut telah diadakan pada 21 April 2015 pada jam 9:15 pagi dengan ketibaan Pegawai Utama Dan Kanan Universiti Malaysia Sabah yang merupakan tulang belakang program ini.

Berobjektifkan membuka minda peserta tentang scenario pembangunan dan memberi pemahaman kepada peserta mengenai teknik dan etika berucap serta tatacara peraturan persidangan parlimen, Cik Masnaneh Masdin, Pegawai Penyelaras MPP dan Jakmas juga berkata bahawa isu-isu yang diperdebatkan adalah isu yang berada dalam UMS sendiri.

Beliau telah menyuarakan rasa bangganya, "Setelah 20 tahun UMS ditubuhkan, inilah kali pertama Persidangan Parlimen Mahasiswa dapat diadakan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) di Dewan Undangan Negeri Sabah,"

DUNNS telah memberikan kepercayaan terhadap mahasiswa UMS dan percaya bahawa mahasiswa UMS mampu mengorak langkah lebih jauh.

"Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada YB. Datuk Seri Panglima Salleh Tun Said, Speaker DUN Sabah, Timbalan-Timbalan Speaker dan Setiausaha DUN yang telah membenarkan persidangan Parlimen Mahasiswa ini diadakan," katanya lagi.

Bengkel ini juga bertujuan untuk melatih peserta untuk berbahas secara rasional, intelektual dan ilmiah dalam pelbagai skop isu.

"Parlimen Mahasiswa merupakan satu platform yang cukup signifikan dalam melahirkan modal insan yang berketerampilan dalam semua aspek dan bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara," kata Naib Cancellor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.

"Melalui persidangan ini akan membolehkan para mahasiswa membahaskan pelbagai isu semasa universiti secara berhemah dan bertanggungjawab untuk kesejahteraan warga UMS," ujarnya lagi.

Beliau menambah, "Universiti pada hari ini tidak hanya boleh berbangga dengan pencapaian akademik para pelajar sahaja tetapi juga perlu diseimbangkan dengan pencapaian *non-academic* para mahasiswa yang menjadi asset yang amat penting kepada kesejahteraan Malaysia,"

Bengkel Latihan Persidangan Parlimen Mahasiswa ini juga diharapkan mampu menghasilkan pemuda harapan bangsa, penudi tiang negara dengan memberi latihan pengucapan, latihan persidangan dan memberipanduan kepada mahasiswa UMS untuk melibatkan diri dalam parlimen secara tidak langsung pada masa hadapan.

"Untuk memastikan visi dan misi ini dicapai maka para mahasiswa bukan sahaja perlu diperkuatkan dengan kecemerlangan akademiknya tetapi juga perlu dibekalkan dengan kemahiran insaniah," kata Naib Cancellor Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah lagi.

Persidangan yang diadakan juga merupakan 'beri jalan' untuk meningkatkan motivasi peserta melalui perkongsian pengalaman bersama Ahli Yang Berhormat dengan mengalami sediri suasana parlimen bersama DUN.

Dalam pengucapan Naib Cancellor Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah turut berkata bahawa Persidangan Parlimen Mahasiswa UMS yang julung kalinya diadakan merupakan salah satu pendekatan pro-aktif yang diambil oleh pihak pengurusan UMS untuk mempertingkatkan lagi kualiti mahasiswa UMS.

Beliau turut berharap agar Persidangan Parlimen Mahasiswa yang menjadi sejarah kepada UMS kan diteruskan pada tahun akan datang dan diperkasakan lagi untuk memastikan misi dan visi UMS, KPM dan negara tercapai.

Bengkel Latihan Persidangan Parlimen Mahasiswa diakhiri dengan penilaian bengkel dan raptai melalui perbincangan meneluruh, perkongsian pengalaman dan aktiviti lain.



Datuk Abdul Halim Jusoh, Setiausaha Politik Menteri Pendidikan II (tengah), Datuk Mohd Harun Abdullah, Naib Cancellor UMS (kanan) merasmikan pelancaran Kelab Penyayang di Padang Kawad UMS.

Pelancaran Kelab Penyayang Julung Kali Di UMS

Oleh Mazrina binti Kalinggalan

Kota Kinabalu, 12 April - Kelab Penyayang buat pertama kalinya telah dilancarkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan penyertaan lebih kurang seramai 1000 mahasiswa.

Kelab tersebut dirasmikan Ybhg Datuk Hj. Abd. Halim bin Jusoh, Setiausaha Politik kepada menteri pendidikan II yang dibawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), UMS.

"CGPA pelajar pada tahun 2016 akan mengambil kira bukan sahaja akademik tetapi penglibatan pelajar dalam kokurikulum..." Kata Datuk Hj. Abd. Halim Jusoh ketika berucap.

"Ini termasuklah aktiviti sukarelawan dan kemahiran serta kepimpinan yang menjadi kayu pengukur mahasiswa pada hari ini" Tambahnya ketika berucap.

Nurul Fadillah Benzar, 22, pelajar tahun 1 itu berkata bahawa penubuhan kelab itu mampu mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara siswa/i di samping sebagai wadah bagi pelajar menyumbang tenaga dan idea untuk Universiti.

"Saya begitu tertarik untuk menyertai kelab ini kerana ingin menambah pengalaman dan memantapkan sahsiah diri" tambah Nurul Fadillah Benzar ketika di temu ramah.

Kelab Penyayang merupakan inisiatif dari Yayasan Budi Penyayang Malaysia dan terdapat sebanyak 22 buah Kelab Penyayang di Universiti Awam dan Swasta setakat ini.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh warga Kolej Kediaman Tun Mustapha, Tun Fuad, Excellent, USIA 1B, Kolej Sri Angkasa dan Kingfisher.

Keahlian Kelab Penyayang UMS itu terdiri daripada mahasiswa termasuk ahli badan beruniform UMS.

Objektif Penubuhan Kelab Penyayang adalah untuk meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri pelajar disamping mengasah bakat yang terdapat pada generasi muda serta melahirkan modal insan yang aktif dan produktif.

Sehubungan itu, penubuhannya juga bertujuan mencari duta dalam kalangan siswa bagi menggerakkan dan menjayakan setiap program anjuran universiti.

Majlis itu juga turut di meriahkan dengan aktiviti senaman aerobik bersama-sama semasa penutupan majlis itu.

UMS Bersiap Sedia Untuk MASUM

Oleh Sharifah Najaa Wafa

Kota Kinabalu, 14 Mei - Seramai empat atlet Silat Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalankan sesi latihan awal sebagai persiapan menghadapi kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) pada Julai depan.

Atlet Silat UMS, Siti Nurazurah bt Md Shahrudin berkata latihan yang intensif serta kegigihan atlet dalam memberikan komitmen terhadap kejohanan MASUM mampu meningkatkan mutu persembahan para atlet.

"Penglibatan atlet secara serius mampu mengorak langkah dalam menjayakan sukan negara. Melalui persiapan atlet dengan lebih awal mereka mampu sedia dari segi mental dan fizikal sebelum menghadapi lawan masing-masing dalam kejohanan MASUM," katanya.

Kini kesemua atlet giat menjalankan latihan di Dewan Taekwondo UMS yang dilengkapi dengan peralatan latihan yang mencukupi, ujarnya.

Tambah Nazurah, mahasiswa terutamanya atlet juga mampu meningkatkan sahsiah diri demi kepentingan masa depan diri, bangsa dan negara.

Menyediakan atlet cemerlang yang berterusan dan bersedia bertanding merupakan misi dan visi yang sering dipegang oleh atlet silat UMS merupakan kata-kata pendorong semangat dari En. Awangku Muhammad Daud bin Hj Sulaiman selaku pembimbing silat.

"Amalina Bt Md Salih dan Siti Nurazurah Md Shahrudin berhasrat untuk merebut pingat emas dalam sukan MASUM akan datang bagi mengharumkan nama UMS," jelasnya.



Atlet-atlet yang bakal mewakili UMS dalam MASUM.

Empat atlet yang akan mewakili UMS dalam acara tersebut adalah Amalina Bt Md Salih, Hezianna Juan, Sherwood Bin Mohd Adam dan Siti Nurazurah Binti Md Shahrudin.

Pertandingan Debat Pertanian Piala Dekan UMS 2015 Dapat Sambutan Mengalakkan



Oleh Nur Sabatiah Tamring & Norzatul Bardah Sabaruddin

Sandakan, 27 April – Pertandingan Debat Pertanian Piala Dekan 2015 UMS telah diadakan selama tiga hari iaitu dari 25 April sehingga 27 April 2015 bertempat di Fakulti Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan.

Pertandingan debat pertanian merupakan anjuran Kelab Debat Bahasa Melayu, UMS dengan kerjasama Kelab Myagrosis Fakulti Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan.

Mohd Shamyizan Fitri, 22, pelajar Diploma Pentadbiran Awam Uitm Sarawak.

Seramai 24 kumpulan yang mengambil bahagian dalam pertandingan debat kali ini. Para peserta merupakan pelajar daripada universiti tempatan iaitu UMS kampus Kota Kinabalu dan kampus Sandakan, UITM Sarawak, UPM Bintulu dan juga pelajar sekolah menengah.

Penganjuran kali kedua ini telah dirasmikan oleh Dekan Fakulti Pertanian Lestari UMS kampus Sandakan iaitu Prof. Dr. Wan Mohamad Wan Othman.

Menurut Prof. Dr. Wan Mohamad Wan Othman dalam ucapannya, tema pertandingan debat pertanian pada kali ini bertajuk 'Generasi Muda Pemangkin Kelestarian Pertanian Negara'.

"Tujuan pemilihan tema tersebut adalah untuk menjadikan generasi muda sebagai peneraju pertanian Negara. Hal ini kerana generasi muda merupakan lapisan yang bakal menggerakkan hala tuju dan masa depan negara dalam bidang pertanian," katanya lagi.

Beliau berharap dengan penglibatan peserta yang semakin bertambah dapat mempromosi Fakulti Pertanian Lestari yang berada di Sandakan ini.

Selain itu, menurut Mohd Shamyizan Fitri, 22, beliau berterima kasih dan bersyukur kerana perkhidmatan yang disediakan oleh pihak penganjur adalah yang terbaik.

"Mereka jemput kami dari lapangan terbang, sediakan kolej kediaman yang baik, layanan yang baik dan bilik sidang yang selesa," kata pelajar Diploma Pentadbiran Awam, Uitm Sarawak ini.

Diminta untuk mengulas berkenaan perjalanan pertandingan debat ini, Shamyizan tidak menolak bahawa setiap program atau pertandingan memang ada kesusialan dari segi teknikal dan sebagainya. Namun, beliau cadangkan agar di masa akan datang pihak penganjur boleh melakukan penambahbaikan dari segi atur cara program, taklimat dan syarat pertandingan yang bersifat lebih formal. Beliau turut menegaskan agar pihak penganjur dan peserta lebih memberi perhatian terhadap pengurusan masa masing-masing.

Malah pertandingan debat kali ini memberi banyak maklumat berkaitan bidang pertanian yang cukup menarik dan tidak pernah diketahuinya, ujarnya sebelum sesi temubual berakhir.



Saibi Saiba yang menjuarai E Idol.

Tonjol bakat terpendam dengan Program E Idol Kolej E

Oleh Juliana Titin Agus

Kota Kinabalu, 14 Mei - Program E Idol Kg E sekali lagi menyaksikan enam finalis yang berentap di atas pentas bagi merangkul gelaran juara yang dipertandingkan di cafe Kolej Kediaman E baru-baru ini. Juara bakal beraksi untuk membuat persembahan dalam majlis makan malam Kg E pada 17 Mei yang berlangsung di Grand Ballroom One Borneo yang bertema 'An Evening in a Royal Garden'.

Pengetua Kolej Kediaman Kg E, Dr Andika Aziz Husin berkata, "Hubungan sosial juga perlu diterapkan dalam setiap mahasiswa agar tidak menjadi katak di bawah tempurung yang tidak melihat dan memberanikan diri untuk menonjolkan bakat yang terpendam," kata beliau ketika memberikan ucapan perasmian program E Idol Kolej E.

"Aspek keberanian perlu ada dalam diri mahasiswa/i untuk merebut peluang yang ada, malah jangan sesekali sia-siakan peluang sebegini untuk menyerlahkan bakat anda. Jadilah mahasiswa/i yang proaktif dalam apa jua perkara yang anda lakukan," tambah beliau lagi.

Persaingan menjadi sengit apabila enam finalis yang tercalon masing-masing membawa lagu pelbagai genre untuk dipersembahkan pada hari pertandingan.

Juara pada malam E Idol dirangkul oleh Mohd Saibi Saiba, yang merupakan pelajar program Sejarah tahun dua Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan yang terkenal dengan bakat sedia ada beliau yang bakal beraksi pada majlis makan malam Kolej Kediaman E di 1Borneo 17 Mei ini.

Sementara itu, naib juara disandang oleh Denisia Luther pelajar Fakulti Sains dan Sumber Alam yang membawa lagu berjudul "Teruskanlah" daripada Agnes Monica. Diikuti oleh Shaza Norhikma yang memenangi tempat ketiga yang merupakan pelajar program Seni tahun satu.

"Saya tidak sangka saya akan dapat memenangi gelaran juara malam ni, perasaan gembira, perasaan takut pun ada. Tapi saya akan memanfaatkan peluang yang ada untuk memberi persembahan yang terbaik pada majlis makan malam Kolej Kediaman E nanti," kata Saibi Saiba, juara E Idol 2015 ketika ditemubual pada malam pertandingan E Idol tersebut.

Program E Idol merupakan pertandingan nyanyian yang julung kali diadakan di Kolej Kediaman E. Program ini bertujuan untuk mencungkil bakat nyanyian dalam kalangan penghuni kolej kediaman E.

Majlis pembukaan disertai dengan persembahan paluan gong dan kompang daripada kelab persatuan E-Sentra dan kelab kompang kolej E manakala majlis penutupan disertai dengan persembahan daripada kelab Akustik Kolej E.

Turut hadir sama dalam majlis, Tuan Pengetua Dr Andika Aziz Husin, barisan felo Kolej E, saudara Michael wakil presiden Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2014/2015, barisan pengadil, barisan JAKMAS kolej kediaman E, majlis ketua-ketua blok dan majlis ketua-ketua kelab, barisan ahli jawatankuasa pelaksana Kolej E Idol 2015 dan para pelajar UMS.

Pidato Piala Pengetua Kolej Kediaman Anugerah Bestari

Oleh Vikneswary

Kota Kinabalu, 29 Mac – Kolej Kediaman Anugerah Bestari(AB) telah menjalankan pertandingan pidato yang bertemakan Kenegaraan di Dewan Kolej Kediaman Anugerah Bestari (AB) kelmarin yang melibatkan penyertaan seramai 65 orang penghuni Kolej AB.

Menurut pihak Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa sesi 2014/2015, saudara Anas bin Siat, yang merupakan Exco Akademik dan Kerjaya pertandingan pidato tersebut, pertandingan ini terdapat dua kategori iaitu Pidato Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Anas Siat menyatakan bahawa objektif utama pertandingan ini dianjurkan adalah mewujudkan satu medium bagi mencungkil bakat terpendam dalam kalangan mahasiswa di Kolej AB.

Tambahnya lagi, melalui aktiviti tersebut boleh memartabatkan Bahasa Melayu dan Inggeris melalui penggunaan Bahasa yang tepat dan sesuai dalam kalangan mahasiswa.

"Penglibatan mahasiswa daripada pelbagai kaum menunjukkan sambutan mahasiswa terhadap pertandingan Pidato Piala Pengetua yang bertemakan Kenegaraan ini, ini memaparkan semangat perpaduan dalam kalangan mahasiswa AB itu sendiri," kata beliau.

Pemenang tempat pertama bagi kategori Bahasa Melayu ialah saudara Mujahid Halpi yang merupakan pelajar tahun tiga Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, tempat kedua dan ketiga pula dimenangi oleh saudara Nurul Syahidah Binti Abd Halim dan saudara Mohd Sarif Bin Jifrizul.

Manakala bagi kategori Bahasa Inggeris, saudara Nur Saridah Michelle Amelino yang merupakan pelajar Asasi Sains dinobatkan sebagai juara, tempat kedua Nasuha Binti Zakeri, dan tempat ketiga ialah Naim Fahmi Bin Kamaruddin.



FBEA NITE Bantu Optimumkan Kemahiran Insaniah Warga FPEP

Oleh Nur Shazalina Binti Amir

Kota Kinabalu, 11 Mei – Majlis FBEA NITE membantu dalam usaha mengoptimumkan dan meningkatkan tahap kemahiran insaniah di kalangan pelajar dalam pelaksanaan anjuran program, kata unit urusetia FBEA NITE, Raja Intan Sofia Raja Adnan.

Beliau berkata demikian ketika bertugas dalam majlis makan malam yang berlangsung di Tanjung Aru Resort and Spa, kelmarin.

Menurut Raja Intan Sofia, 24, yang juga merupakan pelajar Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), objektif yang ingin dicapai melalui program ini adalah bertujuan untuk memupuk dan mengamalkan nilai toleransi bertujuan untuk merealisasikan sebuah negara berdaulat yang mempunyai pelbagai budaya tersendiri. FBEA NITE bukan sahaja majlis makan malam FPEP tetapi program yang diadakan untuk meng-akui dan menghargai pencapaian dan sumbangan pelajar dalam bidang akademik FPEP dan kokurikulum.

"Pada pendapat saya, program ini merupakan program yang diadakan setiap tahun bertujuan untuk memberi penghargaan kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang (anugerah dekan)," tambahnya lagi.

Majlis yang bertemakan 'Beauty and The Beast' telah digayakan oleh warga FBEA dalam sesi bergambar di karpet merah bagi menyayakan program tersebut di samping dapat mengeratkan silaturrahim antara pelajar, pensyarah dan komuniti pelajar FPEP.

Malah, tambah beliau, majlis ini telah dianjurkan oleh warga FPEP sendiri menyebabkan mereka secara tidak langsung terlatih untuk berfikir kreatif bagi menjayakan program yang melibatkan orang-orang yang ternama.

"Saya belajar untuk meningkatkan kemahiran komunikasi saya kerana kewajipan (urus setia) dalam program ini membuatkan saya terpaksa berhadapan dengan orang-orang yang penting dalam UMS," katanya.

"Saya berharap agar program seperti ini akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang selari dengan majlis penghargaan kepada pelajar cemerlang di samping dapat melatih pelajar baru sebagai tulang belakang dalam meneruskan program seperti ini," tambah Raja Intan Sofia lagi.

Dalam pada masa yang sama, antara tetamu istimewa yang diundang dalam majlis FBEANITE ini adalah Naib Censelor UMS, Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah bagi menjayakan lagi program ini.



Unit urusetia FBEA NITE, Raja Intan Sofia Raja Adnan.



Warga FPEP dalam majlis FBEA NITE berkonsepkan Beauty and The Beast di Tanjung Aru Resort and Spa.

44 Pelajar Pra-U Sertai Program Motivasi

Oleh Judas Gunsalam

Keningau, 7 Mei – Seramai 44 pelajar Komunikasi Tahun Tiga Perhubungan Awam dan Periklanan dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengambil bahagian Program Motivasi dan Interaksibersama Pelajar STPM SMK Keningau II yang melibatkan seramai 70 orang pelajar tingkatan enam bawah di sekolah tersebut.

Program ini dijalankan selama satu hari dengan pelbagai aktiviti dijalankan termasuk sesi berinteraksi bersama peserta dan ceramah motivasi daripada Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS, Nurlina Binti Arappe.

Pengarah Program Motivasi dan Interaksi bersama Pelajar SMK Keningau II, Chang Wai Kent berkata, program ini sangat membantu pelajar yang baru mendaftar masuk ke Pra-U.

"Segelintir dalam kalangan pelajar ini tidak mempunyai keyakinan dengan jalan yang mereka pilih. Mereka masih ragu-ragu untuk memilih jalan yang betul," kata Kent.

Menurut Kent, program ini amat penting bagi pihak SMK Keningau II kerana pelajar diberi peluang untuk berinteraksi dengan mahasiswa UMS.

Interaksi ini dapat mengukuhkan lagi keyakinan mereka dan menjawab persoalan-persoalan yang timbul dalam fikiran mereka mengenai STPM dan kehidupan di universiti.

Program ini dijalankan bertujuan untuk membantu pihak sekolah dalam program motivasi kepada para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan STPM nanti.

Selain itu, pelajar UMS juga berpeluang berkongsi pengalaman sebagai pelajar universiti.

"Kami amat mengalu-alukan kehadiran mahasiswa UMS di SMK Keningau II. Saya percaya, program ini sangat sesuai dijalankan untuk pelajar Pra-U yang baru sahaja mendaftar masuk pada 5 Mei yang lalu," kata Penolong Kanan Tingkatan Enam SMK Keningau II, Junaidah Shaik Abdullah ketika berucap.

Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS, Nurlina Binti Arappe berkata, program ini merupakan program yang bernilai murni kerana memberi semangat dan motivasi kepada para pelajar sekolah.

Melalui program ini juga, pelajar UMS berkesempatan mempromosikan nama UMS sebagai sebuah pusat gedung ilmu yang terbesar di Sabah.

Slogan program ini adalah 'Dream it, Start for it, Work for it, Achieve it'. Kent berkata, kejayaan bukan bergantung dengan cita-cita atau fikiran, tetapi berasaskan usaha sendiri untuk mencapai kejayaan.

"Saya berharap, pihak SMK Keningau II menganjurkan satu lawatan khas untuk pelajar Pra-U ke UMS. Kami sentiasa mengalu-alukan kedatangan mereka", kata Kent.



Penganjur program bersama peserta ketika Program Motivasi dan Interaksi bersama Pelajar STPM SMK Keningau II.

Jelajah Komunikasi Ke Kampung Binuwou

Oleh Dayang Nur Ain

Keningau, 19 April - Mohd. Hafiz bin Rosli, Pengerusi Jawatan Kuasa Kampung Binuwou telah merasmikan majlis penutupan Program Kembara Media Borneo di balai raya Kampung Binuwou yang telah dianjurkan oleh Kelab Komunikasi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program ini melibatkan pelajar Komunikasi tahun 1, 2 dan 3 serta warga Kampung Binuwou kerana program ini adalah merupakan satu program kemasyarakatan yang membolehkan warga kampung menjadikan para pelajar sebagai anak angkat mereka selain membuat aktiviti kepada pelajar sekolah rendah yang juga menjadi peserta dalam aktiviti program yang dijalankan.

Menurut Nurul Nazihah selaku pengarah program Kembara Media Borneo dan juga pelajar tahun akhir jalur kewarisan dan penyiaran, beliau amat terharu atas sokongan dan sambutan orang kampung

sepanjang program ini kerana amat alu-alukan kedatangan mereka ke kampung tersebut serta banyak membantu dalam menjayakan keseluruhan aktiviti program. Aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini adalah lebih kepada memberikan motivasi dan melahirkan semangat untuk menimba ilmu kepada peserta serta pelajar juga turut memberi pengenalan kepada pelajar tentang keadaan suasana pembelajaran dan kawasan persekitaran UMS.

Hubungan antara keluarga angkat dan pelajar semakin erat lagi dengan aktiviti yang dijalankan seperti sukaneka, riadah pagi dan petang serta aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan sekitar kampung.

Kembara Media Borneo yang berlangsung selama 3 hari ini merupakan aktiviti tahunan bagi pelajar Komunikasi yang juga merupakan kesinambungan daripada program Baktisiswa UMS.



Kenangan : Pelajar Komunikasi UMS bergambar bersama keluarga angkat.

PERSADA Peneraju Matlamat Utama Sekolah di Kota Belud

Oleh Norhamizah

Kota Kinabalu, 10 April - Permuafakatan Siswa Siswi FELDA (PERSADA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya melaksanakan Program Jelajah Ilmu Siri 2 dengan kerjasama Seranta FELDA negeri Sabah dan Pejabat Pendidikan Daerah Kota Belud.

"Kami melaksanakan program ini adalah untuk memastikan bahawa pelajar disekolah ini mumpuni memberi kejayaan kepada sekolah, keluarga dan yang paling penting untuk diri mereka sendiri," kata pengerusi kelab PERSADA, Datu Rosman bin Datu Ahir Zaman, 21.

Menurut pengerusi PERSADA, motivasi diberikan bagi memberi semangat kepada pelajar-pelajar di lapan buah sekolah tersebut untuk meneruskan langkah mereka ke alam universiti.

Menurut urusetia program, Rohani Hadi, program ini dijalankan dengan

tujuan memberi perkongsian serta motivasi berkait dengan kehidupan sebagai mahasiswa kepada para pelajar sekolah menengah.

Program ini dijayakan dengan pengisian motivasi daripada fasilitator yang terdiri daripada 18 orang mahasiswa UMS.

Selain itu, program Jelajah Ilmu turut disertai oleh Ketua Serantau Sabah, Asmarah Rikun serta Kaunselor UMS, Adzmi Abidin yang menyampaikan motivasi kepada para pelajar sekolah.

Program yang disertai oleh pelajar SPM dan STPM daripada lapan buah sekolah di daerah Kota Belud telah dilaksanakan pada 8 dan 9 April.

Antara sekolah-sekolah yang terlibat adalah SMK Taun Gusi, SMKA Tun Said, SMK Narinang, SMK Usukan, SMK Tambulion, SMK Pekan 1, SMK Pekan 2 dan SMK Arshad.

Pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti latihan dalam kumpulan (LDK), ceramah kerjaya, malam bakat dan sukaneka sebagai pengisian sepanjang masa program dijalankan.

Para peserta juga turut diberi peluang untuk melihat sendiri kawasan sekitar Universiti Malaysia Sabah.

Majlis penutupan PRISEM 2015 telah disempurnakan oleh saudara Nadianah Lapiaman merangkap FELO Penyelaras Program, Kolej Kediaman Tun Mustapha.



AJK Pelaksana bersama-sama para peserta PRISEM 2015 merakam gambar kenangan bersama.

PRISEM 2015 Inspirasi Kepada Pelajar Sekolah

Oleh Azmi

Kota Kinabalu, 18 Mei - 25 orang pelajar calon SPM dan STPM merealisasikan impian mereka merasai kehidupan sebagai pelajar universiti.

Program Inteligensi Sekolah Menengah 2015 atau PRISEM 2015 merupakan program motivasi dan pembangunan pendidikan yang melibatkan mahasiswa Kolej Kediaman Tun Mustapha, Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mensasarkan pelajar sekolah luar bandar di negeri Sabah.

Program ini merupakan anjuran Exco Akademik dan Kerjaya, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Sesi 2014/15 dengan kerjasama Sekretariat Kolej Kediaman Tun Mustapha.

PRISEM 2015 ini berlangsung selama tiga hari dua malam bermula pada 15 Mei dan berakhir pada 17 Mei yang bertempat di Kolej Kediaman Tun Mustapha, UMS.

Seramai 25 orang peserta dari 5 sekolah menengah menghantar wakil yang terdiri daripada kalangan pelajar yang merupakan calon SPM dan STPM pada tahun ini.

Antara sekolah menengah yang menghantar wakil adalah SMK Perempuan Likas iaitu seramai 6 orang pelajar, Maktab Sabah seramai

7 orang pelajar, SMK Beaufort seramai 3 orang pelajar, SMK Taun Gusi seramai 5 orang pelajar dan SMK Badin seramai 4 orang pelajar.

Antara objektif PRISEM 2015 ini adalah memperkenalkan UMS sebagai institusi yang bukan sahaja menumpukan kepada akademik semata-mata tetapi juga menyumbang ke arah pembangunan masyarakat. Program ini juga memberi inspirasi kepada pelajar sekolah agar mampu mengatur langkah bagi menuju ke menara gading.

Menggalakkan mahasiswa dan pelajar-pelajar sekolah untuk sentiasa bergerak ke hadapan, optimis dan berinovasi serta berdaya saing melalui setiap aktiviti latihan dalam kumpulan dan antara lainnya memberi sumbangan terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan masyarakat setempat, dan memberi pendedahan dan pengalaman tentang pengurusan organisasi dan program kepada mahasiswa dan pelajar.

Sepanjang para peserta berada di sini mereka telah diberi peluang untuk tinggal bersama-sama mahasiswa dan mahasiswa yang juga merupakan mentor mereka dari kalangan AJK pelaksana.

Pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti latihan dalam kumpulan (LDK), ceramah kerjaya, malam bakat dan sukaneka sebagai pengisian sepanjang masa program dijalankan.

Para peserta juga turut diberi peluang untuk melihat sendiri kawasan sekitar Universiti Malaysia Sabah.

Majlis penutupan PRISEM 2015 telah disempurnakan oleh saudara Nadianah Lapiaman merangkap FELO Penyelaras Program, Kolej Kediaman Tun Mustapha.



AJK Pelaksana bersama-sama para peserta PRISEM 2015 merakam gambar kenangan bersama.



Beberapa warga KSA bekerjasama membersihkan kawasan luar masjid Al-Hidayah.

English Day Program Tingkatkan Penggunaan Inggeris Penghuni KSA

Oleh Nur Shazalina Binti Amir

Kota Kinabalu, 23 Mac - English Day Program antara aktiviti yang telah diadakan bagi bantu meningkatkan lagi amalan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar Kolej Kediaman Sri Angkasa (KSA), kata Felo Pelajar KSA, Hanirah Ramli.

Beliau berkata demikian ketika memantau perjalanan aktiviti English Day Program yang telah diadakan di KSA, semalam.

Tambah beliau, aktiviti ini telah dianjurkan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) dengan kerjasama dari pihak pengurusan kolej (KSA) yang melibatkan pelajar-pelajar dari kolej tersebut.

Menurut Hanirah, 25, pelajar pasca Sains Sekitaran, Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) berkata objektif yang ingin dicapai melalui program ini adalah untuk memaksimumkan pelajar berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris di luar bilik darjah.

Beliau berkata anjuran aktiviti English Day Program ini merupakan kesinambungan bagi aktiviti English Language Skills Program yang telah diadakan pada bulan Disember tahun lalu.

Hal ini disebabkan oleh penyertaan yang kurang mendapat sambutan dari pelajar terutama aktiviti public speaking yang mungkin disebabkan oleh tahap keyakinan diri pelajar yang rendah apabila ingin berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris di khalayak.

Namun begitu, melalui aktiviti English Day Program ini telah berjaya mendapat sambutan yang menggalakan daripada pelajar berbanding dengan program yang telah dijalankan pada tahun lalu.

"Dalam program ini, kami telah menyediakan aktiviti-aktiviti seperti Treasure hunt (Running man), English Zone yang bertemakan Healthy, Environmental Issues, Arts, Technologies, Tourism & Leisure dan Singing competition (talent show)", katanya.

"Penyertaan pelajar melalui aktiviti ini telah mendapat sambutan kerana pelajar dapat mengaplikasikan bahasa Inggeris dalam kumpulan masing-masing tanpa melibatkan khalayak dan tidak timbul perasaan

malu pada diri," tambah Hanirah lagi.

Dalam pada itu katanya, melalui program English Day Program turut merupakan salah satu inisiatif yang dilakukan oleh pihak pengurusan kolej KSA untuk menggalakkan pembelajaran autonomi di kalangan pelajar KSA.

"Namun begitu, disebabkan bajet perbelanjaan yang tidak mencukupi telah menyebabkan kami terpaksa menghadkan kepada beberapa aktiviti sahaja walaupun mendapat sambutan yang menggalakan," katanya.

"Saya berharap agar aktiviti seperti ini dapat diteruskan bukan sahaja di peringkat kolej (kelas) adalah masa yang sesuai untuk pelajar meningkatkan Bahasa Inggeris terutamanya dari aspek komunikasi, membaca, mendengar dan menulis", tambahnya lagi.

Dalam pada masa yang sama, Pengetua KSA, Prof. Madya Dr. Gusni Saat turut hadir pada malam penutupan English Day Program bagi acara penyampaian hadiah kepada para pemenang.



Jawatankuasa penganjur di bawah Exco Keselamatan JAKMAS Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Warga KSA Gotong-Royong Bersihkan Masjid Al-Hidayah

Oleh Nur Fatin Syakila Baddu

Kota Kinabalu, 10 Mei - Warga Kolej Kediaman Sri Angkasa (KSA) bekerjasama membersihkan masjid Al-Hidayah yang bertempat di Sri Angkasa Apartment Awam, Ahad lepas.

Menurut Syifaa' Farhana Lauddin, 21, selaku timbalan presiden aktiviti menyatakan bahawa aktiviti tersebut merupakan anjuran Kelab Alam Sekitar kolej KSA.

Bertanya mengenai idea awal aktiviti tersebut, Syifaa' berkata, "Idea awal ini disuarakan oleh presiden Kelab Alam Sekitar sendiri iaitu saudara Habihi Mustamin."

"Sebenarnya, gotong-royong ini hendak dilakukan di Masjid Kampung Rampayan, Menggatal. Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, aktiviti gotong-royong akhirnya dijalankan di Masjid Al-Hidayah, Angkasa Apartment," kata beliau semasa ditemui di bangunan K, KSA.

Beliau juga memberitahu bahawa gotong-royong ini melibatkan 38 orang pelajar dari Kelab Alam Sekitar, Kelab Silat, Kelab Surau dan Kelab Penyayang.

Dalam mengetahui matlamat aktiviti, Syifaa' turut menyatakan salah satu aktiviti ini adalah berketamaan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara warga KSA.

"Matlamat utama aktiviti sebegini dijalankan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan ahli kelab dan warga Angkasa yang lain. Selain itu, ia juga untuk meringankan beban orang ramai yang sering

berada di masjid tersebut dengan cara membersihkan masjid," katanya.

"Aktiviti ini juga bertujuan untuk melengkapkan takwim aktiviti Kelab Alam Sekitar dengan aktiviti-aktiviti terbaharu bagi sesi 2015 semester 2," Syifaa' tambah.

Menurut Syifaa', program tersebut mendapat sambutan yang sangat baik daripada warga KSA sepanjang aktiviti tersebut dijalankan.

"Saya ada bertanya dengan peserta yang mengikuti aktiviti ini. Sememangnya mereka semua sangat berpuas hati dan terhibur kerana pada awal aktiviti dijalankan, para peserta dapat mengikuti aktiviti senaman zumba di mana pelatih tersebut merupakan jemputan dari luar dan kelab fitness itu sendiri," tambahnyanya.

Syifaa' berharap agar nilai-nilai murni dapat dibentuk oleh mahasiswa menerusi aktiviti ini.

"Saya berharap agar peserta dapat menanam nilai-nilai murni seperti saling membantu dan menghormati antara satu sama lain tanpa mengira kaum dan agama," ujarnya.

"Aktiviti ini sangat bagus dan penting kerana ia merupakan aktiviti kerja amal dan kemasyarakatan julung kali diadakan oleh kolej kediaman Sri Angkasa setakat ini yang melibatkan aktiviti luar kolej oleh Kelab Alam Sekitar," kata Syifaa'.

Sebelum mengakhiri temuramah, Syifaa' memberitahu bahawa aktiviti lebih menarik akan dijalankan pada masa akan datang.

MAHASISWI DIDIDIK UNTUK JAGA DIRI

Oleh Judas Gunsalam

Kota Kinabalu, 27 April - Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha Dr. Mohamad Nizam bin Nazarudin berkata program "Kerana Diri Mu Begitu Berharga" perlu dilaksanakan pada masa akan datang untuk kepentingan kesihatan siswi UMS.

Ia juga sebagai tanda dan keperihatinan pihak kolej terhadap kebajikan mahasiswi, katanya.

"Saya berharap program ini dapat diperluaskan kepada mahasiswi seluruh UMS untuk sama-sama menyertainya", katanya sempena program tersebut.

Program ini dijalankan untuk memberi kesedaran dalam aspek penjagaan dalaman dan luaran wanita. Penyertaan dalam kalangan siswi sebanyak 300 peserta menunjukkan program ini memberangsangkan.

"Secara keseluruhannya, program ini mencapai objektif kerana melalui penganjuran penyertaan mahasiswi melebihi sasaran sebelum ini yang hanya mengangalkan 100 peserta yang datang, jadi saya berpendapat program ini begitu memberangsangkan," kata Pengarah Program Nor Natasha Elyanie Ghazali, 21.

Sepanjang tiga hari program ini dijalankan, terdapat aktiviti disediakan kepada mahasiswi seperti Talent Show, Zumba Party, Explorace, Tutorial Make-Up serta The Women Pearl Competition.

Selain itu, program ini juga turut menjemput Klinik Nur Sejahtera LPPKN untuk memberikan suntikan vaksin HPV secara percuma kepada mahasiswi Kolej Kediaman Tun Mustapha.

"Apa saya dapat dalam program ini adalah melatih diri kita menjadi lebih positif dan bijak dalam mengatur masalah dalam konteks psikologi wanita, namun bukan itu sahaja program ini juga menjadi panduan kepada wanita terutama sekali pelajar seperti kami," kata Emma Hasmedayati Binti Sakka, salah seorang peserta program tersebut.

Unduk Ngadau : Bukti Lagenda Huminodun di Sabah

Oleh Yonna Edona Jonas

Sebut sahaja keistimewaan Sabah, banyak orang akan mengaitkan Sabah dengan keindahan flora dan fauna, kewujudan gunung tertinggi di Asia serta keindahan pulau peraginannya.

Namun ada satu lagenda yang hampir dilupakan oleh masyarakat keseluruhannya. Ia tersorok di sebalik pertandingan yang dikenali sebagai 'Unduk Ngadau' atau pertandingan ratu cantik bagi kaum Kadazandusun di Sabah.

Pertandingan 'Unduk Ngadau' ini, biasanya dipertanding setiap kali pesta menuai atau 'Kaamatan' membuka tirainya di bulan yang kelima pada setiap tahun.

Mari kita terokai dengan lebih dalam lagi lagenda mengenai dengan pertandingan 'Unduk Ngadau'.

'Unduk Ngadau' adalah berasal daripada perkataan 'Ruduk Ngadau' yang bermaksud gadis yang dimahkotai dengan sinaran cahaya matahari.

Menurut Brenda Osoi, 22, yang merupakan seorang daripada peserta yang menyertai pertandingan 'Unduk Ngadau' peringkat Daerah Kudat, seorang 'Unduk Ngadau' perlu mempamerkan ciri-ciri 'Huminodun' yang cantik dan juga berbudi bahasa.

Maka secara tidak langsung pertandingan 'Unduk Ngadau' yang dijalankan adalah bertujuan untuk memilih seorang pengganti 'Huminodun'.

Mengikut lagenda, 'Huminodun' merupakan anak gadis bagi 'Kinorohingan' dan 'Suminodun' yang telah dijadikan korban semasa kaum Kadazandusun mengalami masalah kebuluran suatu masa dahulu.

Mengikut kepercayaan masyarakat zaman dahulu, hanya dengan mengorbankan 'Huminodun' sahaja akan menyelamatkan mereka daripada masalah kebuluran yang mereka hadapi.

Kerana kenyataan tersebut, menyebabkan 'Huminodun' berkorban untuk menyelamatkan kaumnya daripada masalah kebuluran yang mereka hadapi.

'Huminodun' akhirnya telah ditetak dan tubuhnya dibuang ke segenap penjuru bumi.



Pemenang pertandingan 'Unduk Ngadau' peringkat Daerah Kudat, Brenda Osoi(kiri), Aireenzey Zunaid(tengah) dan Rynienia Jane(kanan).

Ketulan tubuh yang dibuang itu dikatakan telah bertukar menjadi tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan makanan bagi kaum Kadazandusun.

Kerana pengorbanan yang dilakukan oleh 'Huminodun' bagi masyarakat Kadazandusun menyebabkan mereka terus memperingati peristiwa ini melalui pertandingan 'Unduk Ngadau' yang dianjurkan pada setiap musim perayaan Kaamatan.

Bagi golongan belia wanita yang berumur antara 18 hingga 25 tahun mereka berpeluang untuk menyertai pertandingan 'Unduk Ngadau'.

Pertandingan 'Unduk Ngadau' ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu 'Sodop Unduk Ngadau' dan 'Unduk Ngadau'.

Pada 'Sodop Unduk Ngadau', peserta akan mengenakan pakaian etnik yang telah diubah mengikut konsep moden.

Manakala pada hari pertandingan 'Unduk Ngadau' pakaian tradisional etnik akan diperagakan oleh peserta 'Unduk Ngadau'.

Setiap peserta yang disenaraikan layak ke peringkat akhir 'Unduk Ngadau' maka hanya mereka sahaja yang layak untuk memperagakan pakaian tradisional tersebut.

Setiap kaum mempunyai satu tradisi dan keistimewaan tersendiri. Namun ekoran daripada permodenan dunia, ia semakin tengelam dilewati zaman.

Tidak seharusnya kita melupakan semua tradisi dan keistimewaan yang ada, kerana ia adalah warisan yang perlu dikekalkan.

Pada malam selepas kejadian, penduduk kampung di lembah itu sekali lagi didatangi sebuah mimpi bertemu dengan Kinomuluk. Dalam mimpi tersebut, Kinomuluk berpesan kepada penduduk kampung di situ agar menghadiahkan tujuh tangkai padi kepadanya setiap kali selepas musim menuai padi.

Masyarakat Kadazan Dusun turut percaya bahawa roh Kinomuluk telah menjelma sebagai Bambarayon (sejenis burung layang-layang yang berjambul) yang menjadi semangat padi.

Tambah Charlene Sunmogram, masyarakat Kadazan Dusun telah mengaitkan gerak tari tarian Sumazau dengan Bambarayon yang ditarikan oleh sepasang penari lelaki dan perempuan yang memakai pakaian berwarna serba hitam.



Gerak tari tarian Sumazau yang digambarkan seperti sifat Bambarayon. (Sumber: www.mysabah.com)

Charlene menjelaskan bahawa gerak tari tarian Sumazau ialah, tangan diayun ke hadapan dan ke belakang serentak dengan enjutan kaki kanan dan kiri. Apabila rentak paluan gong yang terdiri daripada tujuh atau lapan gong bertukar menjadi harmonis, penari lelaki akan pangkis atau bertempik 'He...He...' yang memberi isyarat untuk menukar gerak tari.

Selepas penari lelaki pangkis, pasangan penari tersebut akan mendepakan kedua-dua belah tangannya ke bahagian sisi dengan pergerakan ke atas dan ke bawah.

Gerak tari sebegini dikaitkan dengan sifat Bambarayon (semangat padi jelmaan burung layang-layang) yang sentiasa melayang-layang di udara bagi melindungi kesuburan tanaman padi mereka.

Sambutan Pesta Kaamatan yang dijalankan pada 30 dan 31 Mei setiap tahun, disambut meriah oleh setiap lapisan masyarakat di Negeri di Bawah Bayu ini dengan menghidangkan minuman tapai atau arak beras sebagai minuman istimewa kepada para pengunjung yang datang bertandang.



Minuman tapai atau arak beras yang diminum dalam tempayan secara bergilir-gilir. (Sumber: wannah.net)

Kepercayaan yang menjadi tradisi masyarakat Kadazan Dusun ini telah menjadikan sambutan Pesta Kaamatan atau Tadau Kaamatan saban tahun penuh dengan keunikannya yang tersendiri. Mereka akan menyapa antara satu sama lain sambil mengucapkan 'Kopivosian Tadau Ka'amatan' yang bermaksud Selamat Hari Menuai.

FORUM PENDAPAT PELAJAR

GST Terus Menghantui Kehidupan Pelajar

Oleh: Lu Siao Wee

Tetapi siapa yang ambil peduli?

Cukai barangan makanan dan perkhidmatan (GST) bukan lagi sesuatu topik yang baru di kalangan masyarakat. Bermula dari 1 April 2015, GST telah menjadi popular dan perbuatan hangat dalam kalangan masyarakat terutamanya bagi pelajar malah ia dikatakan menghantui kehidupan pelajar.

Ramai yang berharap pelaksanaan GST ini merupakan gurauan bagi "April Fool" yang lepas, namun kenyataan sebenarnya tidak dapat kita nafikan.

GST yang menjunjung "mahkota" kini dipertikaikan bersama dengan pemakanan seharian siswa yang terpaksa meninggalkan keluarga mereka untuk melanjutkan pelajaran di universiti.

Tiket mahal, tambang membebaskan, bahan bacaan turut menjadi mahal disebabkan GST. Tambahan lagi, kenaikan harga makanan yang sememangnya menjadi keperluan yang paling penting bagi pelajar.

Oleh Ensol Bin Langgayat

Setiap Universiti di Malaysia mempunyai etika pemakaian semasa ke kuliah. Etika pemakaian bagi seorang pelajar di Universiti sememangnya sudah diperkatakan sejak dahulu dan telah menjadi isu yang hangat diperkatakan. Hal ini demikian kerana, pemakaian pelajar IPT atau IPTS dikatakan tidak menepati tatacara atau etika pemakaian sebagai seorang pelajar.

Di Universiti, pelajar bebas memakai pakaian asalkan tidak melanggar etika pemakaian yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan salah satu daripada universiti di Malaysia yang turut mengamalkan etika berpakaian tersebut. Namun apa yang dilihat, etika pemakaian di UMS masih tidak begitu memuaskan. Tidak semua pelajar UMS mematuhi peraturan dan etika pemakaian

Tiada tindakan yang boleh dilakukan oleh pelajar kecuali mengadu kesusahan mereka.

Kenaikan harga barangan sebanyak 6% ini mungkin tidak mempengaruhi kehidupan sebahagian masyarakat. Namun, ia mengugat kehidupan pelajar universiti.

Kebanyakan siswa bergantung PTPTN untuk menampung perbelanjaan seharian, ada yang terpaksa bekerja sambil untuk menanggung kos kehidupan semasa berada di universiti. Kini beban yang semakin mendesak mengganggu kehidupan mereka dari pelbagai segi.

Iu ini semakin hangat apabila dipertikaikan oleh Datuk Haji Ahmad Maslan yang merupakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menyuruh pelajar mengelakkan makan di luar dan sepatutnya masak sendiri.

Memakai selipar ke kuliah, adakah ia trend pelajar?

yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Berselipar 'Jepun' ke kuliah merupakan salah satu pelanggaran etika pemakaian yang diamalkan oleh pelajar universiti ini.

Jelas terlihat bahawa kebebasan pemakaian yang diberikan kepada pelajar telah disalahgunakan oleh segelintir pelajar. Cara pemakaian yang melanggar etika pemakaian UMS sedang giat dilakukan oleh pelajar UMS semasa ke kuliah.

Memakai selipar ke kuliah sudah menjadi kebiasaan bagi pelajar UMS. Bukan satu, bukan dua, malah hampir separuh daripada pelajar UMS memakai selipar semasa ke kuliah. Apa yang lebih mengecewakan ialah, amalan cara pemakaian ini bukan sahaja dilakukan oleh pelajar perempuan

Iu ini membangkitkan ketidakpuasan para siswa kerana ia tidak dianggap sebagai jalan penyelesaian malah dikenali sebagai ejekan yang bukan sahaja tidak membantu malah menyakitkan hati siswa.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa kos makan di luar jauh lebih tinggi berbanding masak sendiri. Tetapi apa gunanya sekiranya tiada peralatan memasak yang dibenarkan di asrama universiti.

Masak maggi pun susah, apatah lagi masak sayur dan daging di asrama? Cadangan ini hanya mampu kita bayangkan di mimpi sahaja dan mimpi ini lenyap seperti "buih" kerana tiada tindakan yang diambil bagi membantu pelajar menghadapi keperluan ini.

Bukan itu sahaja, malah isu ini dihangatkan bagi api yang membara-baru apabila menteri tersebut menyeru siswa mengambil lebih banyak maggi sebagai makanan mereka sepanjang pengajian mereka untuk mengelakkan GST.

Sedar atau tidak, Maggi yang diwar-warkan ini juga dikenakan GST. Harganya juga tidak semurah seperti dahulu lagi - Harapkan maggi, maggi pun GST.

Yang lebih teruk lagi, kita sudah ada jawapan sendiri di dalam lubuk hati bahawa maggi merupakan makanan segera yang tidak menyihatkan badan dan memudaratkan kesihatan kita. Apatah lagi bagi siswa yang mengambil maggi sebagai makanan utama seharian bagi mengelakkan GST.

Terdapat juga laporan yang menyatakan bahawa ramai pelajar universiti yang didakwa meninggal dunia akibat terlalu kerap mengambil maggi sebagai makanan seharian mereka di universiti dan kadar kematian siswa yang diakibatkan oleh pengambilan maggi semakin meningkat.

Beralih balik dengan isu yang diketengahkan oleh Menteri tadi. Adakah cadangan ini dikatakan logik dan sesuai diaplikasikan dalam pemakanan seharian siswa dalam tempoh pengajian?

"Tepuk dada tanya selera."

Tanpa tindakan yang diambil, semua ini dianggap cakap kosong sahaja. Sebagai mahasiswa universiti, kita haruslah membuka minda untuk menerima yang betul dan bertindak bijak dalam dunia GST ini.

Perbuatan ini sedikit sebanyak menjejaskan nama baik universiti dalam pandangan orang luar.

Persoalannya, adakah pihak universiti menjalankan tugasnya dengan betul? Peraturan dan etika yang dilaksanakan adalah tidak ketat dan tidak dilakukan secara menyeluruh. Hal ini menyebabkan, para pelajar masih mengamalkan cara pemakaian yang tidak menepati etika.

Kempen etika pemakaian perlu dilaksanakan bagi mendisiplinkan pelajar UMS dari segi pemakaian. Peraturan dan etika pemakaian harus diperketatkan bagi mengelakkan pandangan negatif daripada orang luar terhadap pelajar UMS dan juga UMS sendiri.

drama Korea itu lebih penting daripada menyiapkan tugas yang diberikan pensyarah.

Yang lebih menyedihkan ialah, ada sesetengah daripada mereka terikut-ikut dengan perangai dan gaya yang digunakan oleh watak-watak gedik dalam drama yang mereka tonton.

Cukup-cukuplah fikiran kita sudah diracuni dengan drama Melayu yang menunjukkan contoh tidak baik, ditambah lagi dengan drama Korea maka bertambah rosaklah pemikiran mahasiswa kini. Kalau dah ketagih sangat kepada drama Korea itu pandai-pandailah bahagi masa.

Pesanan kepada semua mahasiswa, ubahlah sikap taksub kepada drama-drama yang mengalirkan air mata ini. Sepatutnya, apabila sudah memegang status mahasiswa, fikiran sudah berubah dan matang dalam memilih bahan tontonan dan bacaan.

Tadau Tagazo Do Kaamatan Disambut Penuh Tradisi

Oleh Marsha Sharron Tan

Pesta Kaamatan atau lebih dikenali sebagai Tadau Kaamatan tetap disambut dengan penuh tradisi sejak zaman berzaman terutamanya dalam kalangan etnik Kadazan Dusun di negeri Sabah. Sambutan pesta ini adalah sebagai meraikan tamatnya musim menuai padi dan sebagai tanda syukur kepada tuai padi yang baik.

Pesta Kaamatan disambut pada tanggal 30 dan 31 Mei setiap tahun yang bertempat di Kadazandusun Cultural Association (KDCA) daerah Penampang. Menurut Charlene Sunmogram, awal 20-an yang pernah memenangi tempat ketiga dalam pertandingan Unduk Ngadau di daerah Putatan pada tahun 2013, kemuncak perayaan Kaamatan adalah pertandingan ratu cantik yang dikenali sebagai Unduk Ngadau, tarian tradisi seperti tarian Sumazau, dan upacara kemuncak yang dijalankan oleh Bobohizan atau Ketua Pendita.



Bangunan KDCA yang terletak di daerah Penampang. (Sumber: kdca.org.my)

Pada suatu ketika dahulu, masyarakat Kadazan Dusun mempercayai bahawa semangat padi adalah sebahagian daripada Kinoingan (ketua makhluk halus dan pencipta).

Kinoingan turut dikenali sebagai Bambaazon.

Menurut mitos masyarakat Kadazan Dusun, suatu ketika dulu telah berlaku satu fenomena ganjil iaitu telah tumbuh segumpal batu di sebuah kawasan lembah yang didiami oleh masyarakat Kadazan Dusun ini. Saban hari saiz batu tersebut kian membesar dan cuaca menjadi sangat panas di lembah itu.

Oleh itu, Tok Ketua telah memanggil anak-anak buahnya untuk bermesyuarat di balai untuk membincangkan soal mimpi mereka itu. Secara tidak sengaja, perbincangan mereka itu telah didengari oleh anak gadis Tok Ketua iaitu Kinomuluk.

Secara senyap-senyap Kinomuluk menyusup ke kawasan batu yang kian membesar itu lalu terserempak dengan beberapa orang bobolian (pendeta). Bobolian telah mengesahkan kebenaran mengenai firasat mimpi tersebut kepada Kinomuluk.

Secara tiba-tiba, bunyi guruh yang amat kuat diiringi kilat sabung menyabung datang dari arah langit. Kinomuluk telah disambar petir menyebabkan tubuhnya bercerai-berai. Kononnya, darahnya telah bertukar menjadi padi, giginya bertukar menjadi jagung manakala isinya pula menjadi timun.

Seni Itu Indah, Bukan Sekadar Mainan Senggang - Prof Siti Zainon Ismail

Oleh : Siti Nur Hidayah Binti Mohd Ali Nafiah
15 Mei 2015

Siapa tak kenal Prof Dr Siti Zainon, penggiat seni dan sastrawan yang tersohor di Malaysia.

Dr. Siti Zainon Ismail dilahirkan pada 18 Disember 1949 di Gombak, Kuala Lumpur, Malaysia. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Setapak, Kuala Lumpur dan Sekolah Rendah Langgar, Kota Bharu, Kelantan dari tahun 1957 hingga 1961. Seterusnya beliau menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Aminudin Baki, Kuala Lumpur dari tahun 1962 hingga 1968.

Disebabkan oleh minatnya yang mendalam dalam bidang seni lukis, beliau telah melanjutkan pelajaran dalam bidang lukisan di Institut Seni Indonesia (ASRI) dalam jurusan seni lukis bermula dari tahun 1970 hingga 1973.

Sewaktu menuntut di ASRI, beliau sering memenangi Anugerah Sketsa Kartini. Apabila beliau kembali ke tanah air, beliau telah menjadi jurulatih seni lukis di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sejak tahun 1974 hingga 1976. Kemudian beliau menjadi tutor di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1976 dan lulus Sarjana Sastrawan di UKM pada tahun 1980. Beliau memperoleh PhD. daripada Universiti Malaya pada tahun 1992.

"Seni itu ilmu, bukan hanya dilakukan sekadar melepaskan tekanan dan seni tidak seharusnya dipandang sebelah mata."

Begitulah seni pada pandangan seorang penggiat dunia kesenian dan kesusasteraan Siti Zainon Ismail. Pantang baginya seni diperlekehkan. Baginya seni merupakan pelbagai warna yang mencorakkan sebuah kehidupan. Tanpa seni jiwa menjadi kosong dan hidup menjadi tidak bermakna.

Seni dan sastrawan ibarat irama dan lagu buat wanita berdarah Jawa ini. Penghasilan pelbagai karya seni merupakan bukti kecintaan beliau yang amat mendalam dalam bidang ini. Seni baginya merupakan satu nukilan perasaan yang harus diekspresikan supaya dapat menjadi secebis kenangan.

Setiap peristiwa yang mengusik tangkai hatinya membuatnya cepat untuk berimajinasi agar ia mampu menjadi seangkir memori sebagai pengalaman di masa akan datang kerana setiap penghasilan karya sastrawan adalah gambaran peristiwa diri penulis itu sendiri.

Beliau yang gemar membawa diari kecil bersamanya akan mencatatkan setiap peristiwa yang menarik hati dan pasti setiap apa yang dicatatkannya itu akan menjadi satu karya seni sama ada dalam bentuk penulisan mahupun lakaran wajah yang penuh ekspresi.

Sifatnya yang gemar bertanya memberinya satu bonus dalam mempelajari karya seninya itu. Wanita berjiwa besar ini tetap membawa nama seni walau ke mana sahaja diri dibawa.

Beliau telah banyak menghasilkan penulisan ilmiah seni budaya, esei kajian analisis dan kritikan di samping menghasilkan buku sastrawan kajian dan penulisan kreatif seperti puisi, cerpen dan novel. Karya-karya beliau seperti puisi, cerpen dan buku-bukunya telah banyak diterjemahkan ke dalam bahasa dunia antaranya Bulgaria, Hindi, Inggeris, Korea, Jawa, Jepun, Perancis, Russia, Thai dan Urdu. Jelas membuktikan betapa karya yang dihasilkan oleh Siti Zainon sangat mahal dan berkualiti.

Antara puisi-puisi yang dihasilkan oleh pengkaryanya tersohor ini ialah *Nyanyian Malam*, *Perkasihan Subuh*, *Kau Nyalakan Lilin*, *Bunga-Bunga Bulan*, *The Moon Is A Candle*, *Taman-taman Kejadian*, *Kampung Paya Kami*, *Witir Sela Merapi*, *Gelora Air Geulumbang Rayeuk Aceh*, *Kasih Bonda Kampung Paya Kami* dan *Surat Dari Awan*.

Beliau juga sering mengandaikan dirinya adalah Siti Kecil yang kadangkala terkeluar sifat kanak-kanak yang ingin diberi perhatian. Situasi ini yang menyebabkan beliau menghasilkan puisi khas untuk kanak-kanak di mana puisi ini terdapat dalam buku *Bijak Si Katak Bijak* dan *Anggota Istana Si Jambul*.

Selain puisi minatnya juga terserlah dalam bidang cerpen dan novel apabila menghasilkan cerpen seperti *Seri Padma*, *Dongeng Si Siti Kecil*, *Attar Lembah Mawar*, *Bunga Putik Putih*, *Nyayian Orang Laut*, *Jurai Palma dan Rindu Pala Muda*. Novel karya Siti Zainon adalah seperti *Rembang Flamboyant*, *Pulau Renik Ungu* dan *Delima Ranting Senja*.

Sifat peribadi beliau yang gemar bersahabat membuatkan beliau menghargai apa itu sahabat. Sahabat dilayan umpama keluarga kandung dan diberi segala tunjuk ajar dalam bidang seni. Ilmu yang ada tidak lokek untuk dikongsi bersama.

Karakter Siti kecil akan timbul apabila ada dalam kalangan sahabat yang melupakannya, namun sebagai orang seni rasa sedih itu tidak akan dizahirkan dalam bentuk tangisan, beliau mempunyai cara tersendiri di mana setiap rasa itu akan dilakar di atas kertas dalam bentuk puisi mahupun dalam bentuk lukisan.

Beliau telah banyak menerima anugerah atau usaha dan semangat seni yang ditunjukkan antaranya ialah Hadiah Lukisan Batik MAHA (1967/1968), Hadiah Sketsa KARTINI (1970/1972/1973), Pingat Jubli Perak Sultan Selangor (1986), Penghargaan Seni Seoul Country Club Korea (1989), Hadiah Esei Dewan Sastrawan (1988), SEA Write Award, Bangkok (1989), Gelar Teuku Chut Nyak Fakinah, Majlis Kebudayaan Aceh (1990), Penghargaan Usaha Seni Tan Sri Fatimah-avon (1993), Pingat Seri Mahkota Selangor, Anugerah Profesor Luar Biasa Universitas Jabar Ghafor Aceh (2006), Anugerah Budayawan Selangor (2009) dan Anugerah Budayawan Gombak PAKSI (2012).

Sebagai seorang sarjana, beliau mula bertugas di Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Tutor (1976-1979), Pensyarah (1980-1990) Prof Madya dan Professor hingga tahun 2007 dan kini 2014 memberi sumbangan ilmu sebagai Profesor Sejarah Seni dan Estetika di Universiti Malaysia Sabah.

Universiti Malaysia Sabah terutama dalam kalangan pelajar seharusnya bersyukur kerana hadirnya seorang pendidik yang benar-benar berkaliber ibarat sebutir bintang. Beliau merupakan penggiat sastrawan yang harus didampingi untuk mendapatkan ilmunya yang cukup berharga itu.




1 - Prof Dr Siti Zainon, penggiat seni tersohor Malaysia.

2 - Prof Dr Siti Zainon mempunyai jiwa yang dipenuhi seni.

3 - Antara karya-karya Prof Dr Siti Zainon yang pelbagai jenis.

4 - Karakter Siti Kecil terkeluar sifat kanak-kanak kecil Prof Dr Siti Zainon.



Sobrie dan isterinya Aida berkahwin pada usia awal(kiri) dan sekarang mereka mempunyai seorang anak(kanan) diberi nama Darwish Aniq yang kini berusia setahun



KAHWIN SEMASA BELAJAR? -SISWA SISWI UNIVERSITI-

Oleh Nornasha Binti Sabli

Manusia tidak akan lepas dari pilihan untuk memilih apa yang terbaik untuk diri, kehidupan dan masa depannya. Lalu ketika kita harus memilih manakah yang lebih penting antara cita dan cinta? Mana dari dua hal tersebut yang harus diraih terlebih dahulu? Cinta...? Ataukah Cita...?

Cita-cita sangat penting dimiliki oleh semua orang sebagai panduan kita dalam melangkah. Dengan cita-cita yang ada kita dapat menjadi lebih bersemangat untuk membina akhlak yang lebih baik. Cita-cita dalam diri kita akan membuat kita menjadi semangat dalam menjalani setiap aktiviti yang kita jalankan terutama dalam menggapai sesuatu yang kita cita-citakan, begitu juga dengan Cinta.

"Cinta" semua orang memiliki dan mengenal cinta walau tidak semua orang memiliki pengalaman percintaan yang sama. Namun setuju atau tidak, cinta menurut saya sama pentingnya dengan cita. Tanpa cinta kehidupan yang anda jalani tidak akan bermakna. Tidak akan berwarna. Sekaya atau sesukses apapun anda kalau anda "miskin cinta" percuma saja. cinta dapat diertikan secara personal dan universal di mana cinta yang personal merupakan cinta yang secara spesifik anda miliki dan anda curahkan kepada seseorang. Namun jika dilihat dari tajuk yang cuba dibahaskan yang sering berlaku di kalangan mahasiswa mahasiswi universiti, segelintir mahasiswa atau mahasiswi menamatkan zaman bujangnya ketika masih menuntut ilmu di universiti. Bagi mereka hal itu amat memudahkan untuk menotakan hubungan jarak jauh.

Ada segolongan mahasiswa berpendapat bahawa mereka lebih memilih belajar kerana belajar merupakan satu proses untuk kita mematangkan diri dan kahwin bukan satu hari dua hari tetapi untuk sepanjang hidup kita. Kebiasaannya pelajar yang kahwin awal selepas habis belajar ada sesetengahnya terumbang-ambing dan kurangnya rasa tanggungjawab disebabkan ilmu rumah tangga yang tidak mantap. Oleh itu, belajar itu satu proses yang mematangkan diri kita untuk menuju ke alam perkahwinan.

Namun ada juga menyatakan andai satu individu itu mampu memberikan komitmen untuk keduanya maka harus dia memilih keduanya untuk memperbanyakkan keturunan. Anak-anak bagi anak muda yang kahwin awal akan memungkinkan menjaga kita di hari tua berbanding anak muda yang kahwin lambat.

Persekitaran mahasiswa itu sendiri yang mampu mempengaruhi sama ada kita untuk belajar atau berkahwin awal. Bagi ibu bapa yang meminta anaknya mencari jodoh di usia muda atau semasa belajar amat menggalakannya untuk berkahwin. Ada juga ibu bapa yang menginginkannya mencipta masa depan terlebih dahulu sebelum memikirkan perkahwinan.

Islam tidak menyusahkan masyarakat zaman sekarang untuk berkahwin cumanya masyarakat sekarang terlalu cerewet dalam soal perkahwinan. Ibu bapa yang kongkong segalanya terutamanya dalam membuat keputusan.

"Bagi saya kahwin semasa belajar tidak ada masalah lagipun benda yang elok, Nabi kita sendiri pun berkahwin di usia muda bagi mengelakkan dari perbuatan zina," kata Mohd Sobrie, 22.

Mohd Sobrie dan Aida merupakan pelajar tahun kedua pengajian di universiti, namun mereka mengambil keputusan untuk mendirikan rumah tangga bagi menotakan hubungan mereka yang telah lama terjalin sejak dari zaman persekolahan lagi.

Sobrie berkata, "Pengalaman saya berkahwin pada fasa awalnya rasa jugalah kesusahan namun saya pasti Tuhan akan membantu. Saya mula berjinak-jinak dengan bisnes sambil belajar dan saya yakin rezeki itu ada di mana-mana dan hidup kami sekeluarga bahagia."

"Masalah hidup berjauhan tidak ada masalah sebab dalam hidup zaman serba berteknologi ini saya menggunakan medan ini untuk berhubung dengan anak dan isterisaya. Perasaan rindu itu terubat malah mereka itu dekat sangat di hati saya," tambahny.

Sebelum menamatkan sesi perbualan, beliau menyarankan agar anak-anak muda yang sedang bercinta menyetorkan nikah kerana perkahwinan itu sangat indah dan berpahala.

Di universiti, kahwin semasa belajar amat menjadi "trend" untuk diikuti oleh anak muda yang bercinta bagi mengelakkan perkara yang tidak di ingini. Berkahwin itu membuka luasnya pintu rezeki dan pahala buat keduanya.

4 Tips Elakkan Masalah Kewangan ketika Melancong

Oleh Yonna Edona Jonas

Seminggu cuti berlalu, namun aku masih lagi setia menjadi seorang penanti berakhirnya hari-hari cuti semester yang agak panjang.

Nak berkerja? Rasanya hati hanya ingin berehat menghilangkan tekanan yang dialami selama satu semester yang lalu. Ingin bercuti? rasanya tak mampu.

"Takkan nak meminta wang dari orang tuaku untuk bercuti?" detik hatiku memintas mindaku yang berlagu.

Inilah situasi yang biasanya akan dihadapi oleh golongan pelajar semasa bermulanya cuti semester.

Bersama kami kongsi tips yang boleh digunakan untuk anda dapat melancong.

Tips pertama : Sentiasa Menyimpan Wang

Biasanya wang TPPTN yang dibekalkan tidak mencukupi sepanjang semester berjalan. Namun sekiranya minat anda mendalam untuk melancong, tak salah menabung. Sedikit demi sedikit pada setiap hari. Apa saranan kepada anda untuk menabung RM 1.00 setiap hari. Wang yang anda kumpulkan boleh membantu mengurangkan beban kewangan anda sekiranya anda bercadang untuk melancong.

Tips kedua : Melancong Dalam Negara

Bagi pelajar yang mempunyai keluarga yang berada, mereka mampu untuk melancong sehingga ke luar negara. Namun bagi pelajar yang bergantung sepenuhnya kepada TPPTN ataupun biasiswa tidak mampu melancong hingga ke luar negara. Bagi mengatasi masalah ini, kita boleh melancong dalam negara sahaja. Banyak tempat yang menarik dalam negara kita misalnya Taman Negara Kinabalu, Cameron Highland dan banyak lagi. Melancong dalam negara hanya memerlukan perbelanjaan yang sedikit sahaja berbanding melancong ke luar negara.

Tips ketiga : Melancong Sekali Sepanjang Cuti

Cuti tiba? Girang rasa hati... Jom kita melancong setiap minggu. Opss...Takkan setiap kali cuti nak melancong setiap minggu. Cara ini adalah salah sebenarnya. Biarlah hobi anda adalah melancong namun melancong pada setiap minggu itu membazirkan wang anda. Apa kata anda melancong sekali sahaja sepanjang cuti berlabu. Cara ini dapat membantu anda untuk mengumpul wang. Bercutilah di penghujung cuti anda, kerana anda boleh menenangkan fikiran anda sebelum memasuki semester yang seterusnya.

Tips terakhir : Melancong Beramai-ramai

Nak kurangkan beban kewangan semasa melancong? Saranan saya melanconglah secara berkumpulan. Melancong beramai-ramai bukan sahaja mengelakkan anda merasa bosan melancong secara bersendirian mala ia mampu mencipta memori terindah anda dengan rakan-rakan anda. Oleh itu, pilihlah sahabat anda yang mempunyai hobi yang sama dengan anda.

Semoga tips yang dikongsi ini mampu mmbantu anda agar dapat merealisasikan impian anda untuk melancong di semua pusat pelancongan.

Selamat melancong!



Misteri Telaga Tujuh: Dramatari Pelajar Seni Kreatif Tahun 3 FKSU.

Drama Misteri Telaga Tujuh Didik Audiens Kepentingan Cerita Rakyat

Oleh Werline Ayu William

Kota Kinabalu, 15 Mei -- Dramatari bertajuk *Misteri Telaga Tujuh* di bawah kelolaan pelajar tahun tiga Seni Kreatif (Major Tari), Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) diadakan bagi mendidik masyarakat tentang kepentingan cerita rakyat dalam hidup mereka.

Menurut Raychell Martin selaku AJK persembahan, dramatari ini ditayangkan bertujuan untuk menyampaikan cerita rakyat kepada masyarakat khususnya individu yang kurang mengetahuinya.

"Sebagai rakyat yang hidup berbilang kaum di Malaysia, kita harus mengenali dan mengukuhkan lagi budaya warisan nenek moyang kita," katanya.

Raychell menambah cerita rakyat merupakan sumber pengetahuan yang penting untuk dipelajari kerana ia melambangkan jati diri seseorang individu.

Menurutnya, jalan cerita tersebut disadur dari cerita rakyat kaum Suluk di Kunak dan Tawau.

"Nasihat dan semangat yang dapat saya berikan adalah, untuk mereka yang berminat dalam menceburi bidang seni, selain kreatif, haruslah lebih berfikir terbuka dan berfikir di luar kotak," jelas Raychel.

"Sebagai generasi muda, masa kini dalam bidang seni kita dapat menghargai warisan nenek moyang kita sebelum ia luput ditelan zaman," katanya.

Dramatari telah berlangsung pada 18 April 2015 di Dewan Resital UMS bermula pada jam 8 hingga 10 malam.



Seramai 700 orang penganut agama Buddha bersama-sama meriahkan Hari Wesak di Santavana, Tuaran.

Dramatari Misteri Telaga Tujuh Gabungan Tarian Kontemporari dan Tradisi

Oleh Saira Latief

Kota Kinabalu, 18 April - Persembahan dramatari *Misteri Telaga Tujuh* yang berkisarkan tentang kisah dongeng rakyat kaum Suluk ditampilkan di Dewan Resital oleh pelajar Tahun 3 Program Seni Kreatif dari Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan (FKSW).

Dramatari ini berjaya memukau penonton dengan gabungan tarian mereka yang berkonsepkan kontemporari dan tradisi.

Menurut Raychell Martin yang memegang watak sebagai Permaisuri, tarian ini merupakan idea dari Norzelmizainora, pelajar tahun 3 FKSU.

"Pensyarah tari kami, Encik Suhaimi telah memberikan tugas untuk mencari inspirasi berdasarkan beberapa buah cerita rakyat dan rakan saya, Norzelmizainora memilih cerita ini sebagai dramatari kami," kata Raychell ketika ditemui.

Mendapat ilham daripada cerita rakyat, Raychell berkata dramatari ini berdasarkan sejarah asal rakyat kaum Suluk yang berada di Kunak, Tawau dan mesej yang cuba disampaikan melalui dramatari ini adalah kekeluargaan yang utuh.

"Objektif utama persembahan dramatari ini adalah untuk menceritakan kepada

masyarakat atau individu yang kurang mengetahui tentang cerita rakyat yang sebenarnya penting untuk kita memahami budaya masyarakat kita," tambahnya. Pasukan dramatari ini telah dipecahkan kepada dua kumpulan dan masing-masing telah membuat koreografi tarian sendiri agar mesej dapat disampaikan dengan berkesan.

Sebelum menghasilkan pentas yang terbaik, Raychell mengaku bahawa persembahan ini bukanlah sesuatu yang mudah dan pasukan mereka mengambil masa tiga bulan untuk menyeragamkan segala persembahan dan gerak tari mereka.

"Kami mendapat penasihat yang paling arif mengenai bidang ini iaitu pensyarah kami sendiri iaitu Pak Su (Encik Suhaimi) dan Encik Sharip Zainal," katanya.

Raychell juga menasihatkan kepada generasi muda yang berminat dan ingin menceburi dalam bidang ini untuk berfikir terbuka, dan sebagai generasi muda masa kini, bidang seni haruslah dijadikan untuk mengukuhkan tradisi warisan nenek moyang yang kian luput ditelan zaman.

"Tanpa seni, maka pudarlah kehidupan," tegas Raychell pada akhir kata.

180 Pelajar UMS bantu dalam sambutan Wesak di Santavana, Tuaran

Oleh Lee Shu Sin

Kota Kinabalu, 4 Mei - Seramai 180 orang pelajar UMS yang merupakan penganut agama Buddha menjadi pembantu sukarelawan bagi aktiviti perayaan Wesak di *Santavana Forest Hermitage*, Tuaran.

"Apabila Santavana memertukan bantuan, banyak pelajar UMS sedia untuk membantu, dan bukan sahaja dalam Hari Wesak ini tetapi juga aktiviti lain," kata Vincent Woon, 24, yang juga pelajar UMS serta salah seorang sukarelawan pada hari itu.

Pada Hari Wesak bersamaan 3 Mei, penganut agama Buddha dan juga penganut agama lain yang berminat telah dijemput untuk menyertai aktiviti perayaan ini.

Seawal jam 6 pagi, Santavana sudah dikerumuni oleh kira-kira 700 penganut Buddha untuk meraikan Hari Wesak, satu perayaan yang dihaskan untuk mengingati Buddha bersama-sama.

Pada hari tersebut, beberapa acara tradisi telah dijalankan seperti memberi sedekah kepada para sami dan juga mandikan patung Buddha.

Dalam sesi memberi sedekah, para *sangha* akan jalan menerusi barisan penganut Buddha yang melutut, dan *sangha* akan menerima barangan-barangan sedekah daripada mereka.

Antara yang disedekah kepada para sami ialah makanan dan barang keperluan seharian.

"Terdapat juga pihak luar yang baik hati telah menderma makanan dan minuman pada hari ini seperti cendol, mee, rojak, buah-

buah dan sebagainya," kata Vincent. Beberapa gerai makanan dan minuman telah dibuka dan membekalkan makanan dan minuman yang percuma kepada pengunjung dan peserta aktiviti ini.

Selain itu, pihak Santavana menggalakkan para pengunjung dan peserta untuk membawa bekas makanan masing-masing untuk menyeru konsep 'no rubbish'.

Santavana telah menarik kehadiran penganut-penganut Buddha yang datang dari pelbagai tempat, bukan sahaja dalam negara tetapi juga ada yang dari luar negara.

Santavana Forest Hermitage merupakan sebuah tokong yang mempunyai sejarah yang lama dan terkenal di Sabah. Ia juga merupakan satu tempat perlancongan bagi penganut agama Buddha dan mereka cenderung untuk melawati tokong ini atas pemandangannya yang indah.

Hari Wesak pada tahun ini adalah lebih unik kerana terdapat perbezaan tarikh sebanyak sebulan di antara Malaysia dengan negara lain seperti Singapura.

Perbezaan ini adalah kerana perbezaan pengiraan kalendar masing-masing, dan keadaan ini juga pernah berlaku pada tahun 2007 yang lalu.

Penyambutan Hari Wesak di *Santavana Forest Hermitage* berakhir dengan sempurna pada pukul 2 petang hari tersebut.

Bakat Tommy Diasah di UMS



Gambar di atas menunjukkan salah satu karya lukisan Tommy yang telah dibeli oleh peminat seni lukisan.

Self-made Furniture Prove Kelvin's Creativity and Innovation

By Eoon Qi Ting
14th May 2015

Kelvin Lee Kah Wai, 23, from Faculty of Psychology and Education, course Psychology in Industry and Organisation is an adventurous, innovative and creative person.

His soul of freedom makes him moved out from the hostel since the second semester of first year undergraduate study.

However, moving out from school hostel means to spend more in room rental and stuffs needed in his new room. Being a thrifty person, he never spend a single cent to buy furniture such as desk, wardrobe and bookshelf.

As a solution, Kelvin starts to do the furniture by himself. The first furniture that he was done was the desk, then the bookshelf and wardrobe.

What makes him special is that he finished all the furniture within one week while he has zero experience in doing this kind of work. And now, he was using them for more than two years and they are still in good conditions.

Before he starts his work, he went around the residential area and school compound to find suitable materials for his furniture. After he found any woods or boards that he wanted, he carries them back to home by riding his bicycle.

"At that time, I really do not know where I get the strength," Kelvin said.

The most difficult material to carry is the boards he found at hostel AB which is about three feet long.

But that did not stop him from trying.

He tied it up and carried it back to Kingfisher. Other woods to stabilize the desk in smaller size were put into his backpack.

After he get all the materials he needs, he went to hardware shop to buy the tools like hammer, nails, and measuring tape to continue with his furniture. The budgets for all these materials are not more than RM 50.

Kelvin spent few days to done his desk. The desk was failed to stand at first, although he has draft before he made. But his hard work pays off after he had rebuilt for several times and finally the desk is able to stand.

The bookshelf was a luck for him because he found one that already had a rough shape of a bookshelf in the residential area, so he just did some modification and a new and stable bookshelf was produced.

The most difficult for him to do is the wardrobe. In the beginning, he really do not have any ideas on how to make the bamboo to stand and able to sustain the weight of the shirts.

After he was thinking for few days and he get this idea which to make a flower pot as the base to stabilize the bamboo sticks. After he already done the supporting base, then he continue to match other parts for the wardrobe.

Among the three furniture of his work, his favourite is the desk but what makes him feel proud is the wardrobe. It is because the wardrobe really ate much of his time to figure out on how to build the supporting base for the wardrobe.

Oleh Nurfaezah Abd Ghani
15hb Mei 2015

Tommy, atau nama sebenarnya Tommy Yoala Anak Mauh yang berasal dari Limbang, Sarawak, 22, merupakan seorang pelajar UMS yang mengambil program Teknologi Seni Visual di Fakulti Kebudayaan Seni dan Warisan.

Apabila melibatkan diri dalam dunia seni dan lukisan, Tommy telah dikenali ramai terutamanya dalam kalangan pelajar UMS dan pensyarah-pensyarah kerana berjaya menghidupkan semua karya lukisan beliau.

Tommy berkata bahawa beliau mula minat melukis semenjak beliau berumur 13 tahun. Pada masa itu, Tommy sangat terdorong oleh seorang guru seni lukisannya yang selalu mengajar dan menghasilkan lukisan-lukisan yang sangat menarik.

Tommy mula dikenali dan diberi perhatian oleh rakan-rakan dan pensyarah beliau apabila beliau berjaya menjual dua buah hasil karya seni lukisan beliau di Pameran NeoARTex yang berlangsung di Suria Sabah Shoppingmall, Kota Kinabalu.

"Pada masa itu, salah seorang pensyarah kami, Prof. Madya Dr. Baharudin Bin Hj. Mohd. Arus, Timbalan Dekan sekolah Seni telah memberi peluang kepada kami untuk mempamerkan hasil-hasil karya seni lukisan kami di Pameran NeoARTex tersebut," katanya.

"Sebuah daripada karya seni lukisan saya yang bertajuk Iban Tribe telah dibeli oleh seorang peminat seni lukisan yang datang ke pameran tersebut dengan harga RM1200," sambung Tommy.

Karya seni lukisan Tommy Yoala kebanyakan berkonsepkan budaya terutamanya budaya Kaum Dayak.

"Saya dapat membayangkan budaya tersebut dengan terang dan jelas serta mudah untuk diluahkan dalam lukisan saya ketika saya melukis," katanya.

Bayu Utomo Radjikin merupakan salah seorang idola Tommy yang merupakan seorang pelukis seni antarabangsa yang terkenal.

Bayu Utomo Radjikin juga sering menjadi

inspirasi kepada hasil karya seni lukisan Tommy dengan karya-karya menarik yang juga bertemakan budaya seperti Tommy.

Selain itu, orang Ulu dan Nyumprit juga menjadi salah satu daripada elemen yang memberi inspirasi kepada hasil karya seni lukisan beliau.

Orang Ulu merupakan penduduk kampung dalam kawasan Limbang, Sarawak iaitu di Kampung Long Napir atau Bakalan dan Nyumprit adalah sinonim dengan perbuatan menyempit, menurut keterangan Tommy lagi.

"Selalunya saya akan menyiapkan sebuah lukisan saya sekurang-kurangnya dalam masa lima hari atau lebih tanpa rehat, sekiranya saya banyak berehat maka ia boleh mencecah dalam masa dua minggu," katanya.

Kehebatan Tommy Yoala dalam menghasilkan karya seni lukisan tidak dapat disangkal lagi apabila seorang peminat seni lukisan telah membeli sebuah lagi lukisan beliau dalam sebuah pameran yang diadakan di 1Borneo Hypermall oleh pihak UMS sendiri.


Setakat ini, beliau telah menjual 2 hasil karya seni lukisan beliau dan selebihnya telah disimpan dalam Galeri Dato Yaman di Blok Seni Fakulti Kebudayaan Seni dan Warisan.

"Sebenarnya, saya tidak terfikir untuk menjual karya seni lukisan saya pada mulanya, tetapi dengan dorongan dan peluang yang diberikan serta adanya program pameran karya, saya telah terdorong untuk menghasilkan lebih banyak karya," kata Tommy.

Tommy Yoala telah berjaya menjadi seorang mahasiswa dan pelajar yang cemerlang dengan pencapaiannya sehingga tahap ini dan menyaingi karya pelajar lain.

Harapan beliau adalah agar karya beliau dapat difahami dan diterima oleh masyarakat umum.

Tommy berkata, "Dalam sebuah karya tersimpan beribu makna, berkaryalah dalam apa jua bidang sekalipun kerana seni ini untuk dikongsikan dan diamati oleh semua orang, kerana manusia itu sendiri hasil seni yang wujud bersama kehidupan yang lain," akhir kata Tommy.



1: Kelvin's idea makes their bicycles finally found a way to park orderly.
2: Kelvin with his own-made study desk.

Gamelan Sebagai Kokurikulum UMS



Ahli Kokurikulum Gamelan UMS sesi 1 2014/2015 sedang berlatih sebelum membuat persembahan kepada penduduk Kampung Tenom.

Kebudayaan Hakka Asli di Sabah

Oleh Brenda Choo Ly Er
8 Mei 2015

Negara Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik. Namun, kaum Cina sendiri telahpun mempunyai pelbagai suku yang berbeza seperti Guangdong, Hokkien, Hakka, Teochew, Hainan dan banyak lagi.

Suku-suku ini berkongsi budaya umum Cina yang sama, tetapi pada masa yang sama mereka juga mengamalkan budaya suku masing-masing yang berlainan.

Di dalam negeri Sabah, suku kaum Hakka merupakan golongan yang paling ramai dalam masyarakat Cina.

Logo Persekutuan Persatuan-Persatuan Hakka Malaysia amat serupa dengan perkataan 亞 (bacaan bunyi - ya) dalam Bahasa Cina.

"Sebenarnya logo tersebut bukan mengikut rupa bentuk perkataan tersebut, tetapi melambangkan kawasan di tengah dua sungai besar di China yang merupakan penempatan asal orang Cina," kata Chua Chun Kiong, presiden Heritage Sabah, sebuah NGO yang mengendali perkara-perkara kebudayaan di Sabah.

"Setahu saya, orang Hakka telah mengalami lima kali penghijrahan besar dan mereka sampai ke kawasan Asia Tenggara, termasuk Sabah, pada penghijrahan mereka kali ke-lima," kata beliau.

Kebanyakan mereka datang ke Sabah atas keperluan Syarikat Borneo Utara Inggeris (SBUB) untuk menerokai dan membuka tanah di Sabah.

Pada tahun 1881, SBUB telah datang ke negeri Sabah (digelar Borneo Utara masa itu) dan membawa masuk ramai pekerja Cina di mana kebanyakannya ialah orang Hakka, untuk menjalankan kerja pembukaan tanah.

"Orang Hakka dikurniakan dengan kepandaian dalam pembukaan tanah dan penanaman,



Kepala Qilin yang digunakan dalam tarian Qilin, sejenis tarian patung tradisional yang diamalkan oleh suku Hakka sahaja.

itulah sebab mereka berjaya bertahan dalam lima kali penghijrahan itu," kata Chua.

Chua berkata lagi, "Namun orang Hakka tidak berpuas hati untuk menjadi pembuka tanah dan petani sahaja, mereka mengejar ilmu dan berusaha untuk mengubah status sendiri."

Kitab suci agama Kristian iaitu Bible yang terawal diterjemahkan ke Bahasa Cina adalah dalam Bahasa Hakka.

"Gereja Basel di Sabah juga merupakan gereja yang dimulakan oleh orang Hakka selepas pembawaan masuk agama Kristian oleh mubaligh Kristian," jelas Chua.

Budaya Hakka mempunyai keunikan yang tersendiri. Contohnya orang Hakka di Sabah masih mengekalkan tarian Qilin (麒麟-unicorn dalam Bahasa Inggeris) selain daripada tarian singa atau tarian naga.

"Tarian Qilin ini merupakan tarian yang dipraktikkan oleh orang Hakka sahaja, suku-suku lain seperti Hokkien atau Kantonis tidak mempunyai tarian ini," Chua memberitahu.

"Namun tarian ini pun semakin dilupa dalam kalangan orang Hakka di Malaysia kerana jarang dilatih dan tiada sesiapa yang sanggup belajarnya lagi," tambahnya.

Pada hakikatnya, apa yang patut dibanggakan ialah budaya Hakka di Sabah masih dikekalkan dalam keadaan yang lebih asli berbanding dengan negeri-negeri lain.

Terdapat banyak lagi alat-alat yang digunakan oleh orang Hakka pada masa dulu dipamerkan di Wisma Hakka Sabah.

Ekspo budaya Hakka dibuka pada setiap Sabtu, dari jam 2 petang sehingga jam 4 petang di Wisma Hakka Sabah.

Oleh Nur Hidayah Binti Ibrahim
14hb Mei 2015

Gamelan asal daripada budaya luar Hindu-Buddha. Perkataan Gamelan berasal daripada perkataan Jawa iaitu 'game' yang bermaksud memukul atau menabuh dan diikuti akhiran '-an' yang menjadikannya sebagai kata benda.

Gamelan mempunyai makna iaitu 'kesatuan alat muzik yang dimainkan bersama'. Terdapat lima jenis Gamelan iaitu Gamelan Jawa, Gamelan Bali, Gamelan Sunda, Gamelan Banyuwangi dan Gamelan Kromong.

Menurut salah seorang pemain Gamelan dalam kokurikulum Gamelan UMS iaitu Nur Fazlina binti Abdul Karim dari Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan program Teknologi Seni Visual, Gamelan di Malaysia ini terdapat enam alat iaitu bonang, gambang, kenong, saron, gong serta gendang.

Fazlina kata, "Bonang merupakan alat yang terpenting dalam permainan Gamelan kerana ia berfungsi sebagai permulaan lagu khususnya peranan penghias lagu. Bonang merupakan alat utama atau kepala muzik atau biasa dipanggil sebagai ketua melodi,"

"Bonang sahaja yang boleh menggunakan kedua-dua belah tangan semasa memainkannya. Bonang merupakan alat muzik yang diperbuat daripada kesi, kuningan dan penunggu. Alat ini dimainkan dengan menggunakan kayu berbentuk batang yang salah satu hujungnya dililit kain. Bonang merupakan kepala utama alat melodis dalam Gamelan," tambah Nur Fazlina.

Alat kedua dalam permainan Gamelan ialah gambang. Gambang biasanya dimainkan oleh seorang pemain sahaja. Pemain tersebut memerlukan dua bilah pemukul yang diperbuat daripada tanduk lembu.

Cerita di Sebalik Sarong – Kongsi Gaya Hidup Baba & Nyonya

Oleh Brenda Choo Ly Er
13hb Mei 2015

Antologi *Sarong Secrets: Of Love, Loss and Longing* karya Lee Su Kim, seorang Peranakan, mengisahkan tentang keadaan budaya Baba dan Nyonya yang semakin pudar.

Buku ini bertemakan kehidupan Peranakan mengenai budaya Peranakan dan juga detik-detik kehidupan penulis.

Penulis menghasilkan 12 cerita pendek yang menceritakan tajuk yang berbeza-beza, seperti dalam bab *Five Cents Bigger Than Bullock Cart Wheel*, beliau menggunakan watak Bee, seorang wanita yang bersikap amat kedekut, dan akhirnya mengalami masalah penceraian dengan suaminya.

Keistimewaan buku ini boleh dilihat dari beberapa segi. Pertama, penggunaan bahasanya yang mencampur Bahasa Melayu dalam Bahasa Inggeris.

Oleh sebab latar budaya Peranakan yang begitu unik, penulis Lee telah menunjukkan keunikan dari segi bahasa ini. Penulis malah memasukkan beberapa pepatah Bahasa Hokkien seperti bab *Five Cents Bigger Than Bullock Cart Wheel* sebenarnya juga diucapkan sebagai *gor chiam tua guay ku chia lian* dalam bahasa Hokkien.

Antologi ini merupakan hasil karya fiksiyen oleh Lee Su Kim yang diterbitkan pada tahun 2014 oleh syarikat Marshall Cavendish Editions, Singapura.

Alat ketiga dalam permainan Gamelan ialah kenong. Kenong berperanan untuk keluar bunyi yang lebih lembut daripada gong.

Seterusnya ialah alat saron. Saron terbahagi kepada tiga iaitu Saron Demong, Saron Penerus dan Saron Pekin. Saron Demong berperanan sebagai alat membawa melodi pokok dan melodi cingang sebagai bunga lagu dalam persembahan. Saron Penerus pula mampu menghasilkan suara yang lebih nyaring daripada saron demong manakala Saron Pekin menghasilkan suara yang lantang dan nyaring.

Seterusnya alat permainan dalam Gamelan ialah gong. Gong merupakan tulang belakang dalam persembahan muzik Gamelan. Gong terdiri daripada pelbagai saiz untuk menghasilkan bunyi yang berbeza. Semakin nipis saiz gong maka semakin nyaring bunyinya.

Akhir sekali alat yang perlu ada dalam permainan gamelan ini ialah gendang. Gendang merupakan alat yang penting dalam memimpin rentak yang rendah atau tinggi.

Pantang larang dalam permainan gamelan ini ialah alat-alatnya tidak boleh dilangkah oleh manusia dan kucing hitam. Pantang larang lain juga termasuk tidak boleh mainkannya dengan terbalik dan sesuka hati. Jika pantang larang ini dilanggar maka akan mendapat tulah.

Kelab Gamelan UMS juga membuat lawatan ke Pesta Kopi di Tenom pada bulan Disember yang lalu. Mereka memainkan lima buah lagu dengan menggunakan Gamelan kepada penduduk kampung di sana. Di sana juga mereka membuka kelas Gamelan yang percuma untuk penduduk di Tenom.



Kedua, keistimewaan buku ini ialah penggunaan gambar sarong milik penulis sendiri.

Setiap gambar sarong disertakan dengan penjelasan yang menceritakan tentang sebab penggunaan corak tersebut atas sarong tersebut atau situasi yang sesuai untuk memakai sarong tersebut.

Buku ini juga sertakan pantun atau pepatah Hokkien di beberapa muka surat pembahagian bab. Pantun-pantun tersebut merupakan hasil seorang Baba manakala pepatah pula ada yang asal suku Hokkien atau Peranakan.

Antologi *Sarong Secrets: Of Love, Loss and Longing* amat sesuai untuk bacaan orang Malaysia kerana penggunaan Bahasa Inggeris dalam buku ini senang difahami.

Buku ini juga telah mengadapstikan budaya Peranakan yang juga dekat dengan budaya Malaysia.

Antologi ini merupakan hasil karya fiksiyen oleh Lee Su Kim yang diterbitkan pada tahun 2014 oleh syarikat Marshall Cavendish Editions, Singapura.



Kolam Rangoli yang dibuat oleh pelajar India di UMS.

Light-hearted and Funny – When I Was A Kid 3

By Eoon Qi Ting
19 May 2015

With another round of hilarious and relatable childhood stories, self-published Malaysian author Cheeming Boey is back with *When I was a kid 3*.

Boey is a Malaysian animator or artist or author currently based in the United States and he is best known for his artwork on Styrofoam cups.

When I Was A Kid is a collection of black and white drawings and handwritten narratives that talks about Boey's childhood growing up in Malaysia. Every series of *When I Was A Kid* and *When I Was A Kid 2* were found an almost permanent spot on the top 10 bestsellers shelves in Malaysia's bookstores.

His third book, *When I was a kid 3* which was released last year and it looks like it is all set to follow in the footsteps of the first and second series.

In *When I Was A Kid 3*, the main character is Boey when he was a child, while his family members and childhood friends make up the supporting characters. These are the stories of his childhood; stories which he once thought were unique to him. This book has an equal part of words and drawings. Therefore it is perfect for those who do not like reading.

Also, there are few photos of Boey when he was a young boy in this book.

This book is great for Malaysian. Reading it, will remind us of our own childhood.

This book warms the heart of readers as it is light-hearted and funny, while some parts in this book was really touching.

In addition, it is a good read for those of us who need to be reminded of how simple and easy life was as a young kid, for those who need a laugh, and for those who are looking for a way to introduce simple aspects of Malaysian culture to a non-Malaysian friend.

Nevertheless, the stories first appeared in his blog, www.iamboey.com and there are few number of followers increased over the years encouraging Boey to compile some of the stories into his first book.

Therefore, *When I Was A Kid* is the first book to publish. It is illustrated in simple stick figures accompanied by short descriptions. Each story is self-contained and can be read in any order.

Whereas, his first book hit the bookstores and it jumped right to the top of non-fiction bestseller list. His second book, *When I Was A Kid 2* was released on 2013 and was also get a good review from the readers. In the second book, he talk about a childhood that many people would find easy to identify with – a world where a child's defies the rules that their parents had impose.

The series of *When I Was A Kid* is an easy read for the short commute to work, or during the short breaks you get when a teacher leaves class.



Novel Hamka Mengkritik Adat Budaya Sendiri

Oleh Lee Shu Sin
14hb Mei 2015

Tenggelamnya Kapal Van der Wijck merupakan satu novel yang dikeluarkan pada tahun 2013. Ia merupakan sebuah karya tersohor yang dituliskan oleh Hamka.

Novel ini adalah berkaitan dengan kisah cinta antara Zainuddin dan Hayati. Pembaca akan teringin-ingin membaca buku tersebut sehingga akhirnya mengetahui cerita akhirnya di masyarakat Minangkabau.

Hamka menulis novel semasa beliau berusia 31 tahun. Walaupun umurnya masih muda sebagai seorang penulis, novel beliau telah membawa semangat dan pemberontakan jiwa terhadap budaya matrilinear yang dianut masyarakat sekitar.

Selain itu, filem berdasarkan cerita ini juga dihasilkan pada setahun selepas penerbitan buku iaitu 2014 kerana usurnya yang menarik dan keunikannya yang tersendiri.

Novel ini mengisahkan tentang semangat perjuangan Zainuddin dan kehidupan

Keunikan Seni Budaya Kolam Dalam Masyarakat India

Oleh Dayang Siti Rabiatul
17 Mei 2015

Setiap budaya mempunyai seninya yang tersendiri. Bagi masyarakat India, salah satu seni budaya yang sering menarik perhatian masyarakat lain adalah 'Kolam'.

Kolam merupakan satu lukisan menggunakan beras berwarna dan selalunya dibuat sempena perayaan India seperti Thaipusam, Deepavali, Pongal dan sebagainya.

Tujuan membuat Kolam ini pada asalnya adalah untuk penyembahan Dewa Lakshmi, namun tujuan masyarakat India kini membuat Kolam hanya sebagai tanda mengalu-alukan kedatangan tetamu yang hadir. Ia juga merupakan petanda bahawa rumah-rumah tersebut akan menyambut perayaan mereka.

Kolam ini sebenarnya tidak asing lagi di Semenanjung Malaysia kerana ramai masyarakat India akan membuat Kolam di hadapan rumah, kuil atau di hadapan kedai.

Corak Kolam ini asalnya terbahagi kepada dua, iaitu yang dibawa oleh masyarakat India Selatan dan India Utara. Bagi masyarakat India Selatan, mereka hanya guna tepung yang telah dicairkan dan seterusnya dilukis pada permukaan luar rumah, Kolam ini tidak mempunyai warna selain warna putih dan digelar sebagai Kolam Titik.

Bagi masyarakat India Utara pula, mereka lebih kepada penggunaan beras yang berwarna-warni dan ia dinamakan sebagai Rangoli.

Pada asalnya Kolam ini hanya dilakukan oleh golongan wanita sahaja namun zaman sekarang ia turut dilakukan oleh golongan lelaki.

Bagi masyarakat India sekarang, belajar membuat Kolam ini bukanlah satu kewajipan, tetapi setiap anggota keluarga juga akan ada yang mahir dalam seni Kolam ini.

Seperti setiap perayaan bagi setiap kaum di Malaysia, pembuatan Kolam ini juga

mengeratkan silaturahim antara keluarga dan saudara mara kerana anak saudara akan mengunjungi rumah dan turut membantu membuat Kolam bersama-sama.

Keunikan Kolam ini sangat dikagumi malah ia menjadi persoalan bagi mereka yang tidak mengetahui proses pembuatannya.

Proses membuat Kolam jenis Rangoli ini lebih mudah berbanding Kolam Titik. Pada permulaan mereka akan mengagihkan beras mengikut kuantiti dan mewarnakannya sebelum dikeringkan.

Pewarna yang sering digunakan ialah pewarna agar-agar atau buncuhan pewarna biasa, dan kuantiti air yang digunakan tidak terlalu banyak supaya ia tidak pudar.

Setelah membancuh beras dengan pewarna, mereka akan melukis di atas lantai yang kosong di hadapan rumah lalu beras yang telah dikeringkan akan ditabur ikut corak yang mereka telah tetapkan.

Tempoh masa pembuatan Kolam ini bergantung kepada saiz Kolam. Kolam saiz kecil mungkin mengambil masa selama sejam manakala Kolam yang bersaiz lebih besar mungkin mengambil masa beberapa jam.

Antara cabaran yang dihadapi dalam pembuatan Kolam ialah ketidaktepatan jangkakan kuantiti beras, kemungkinan tersentuh permukaan yang telah siap ditabur, dan menjaga Kolam ini daripada dirosakkan.

Budaya membuat Kolam ini sememangnya merupakan salah satu identiti masyarakat India, namun zaman ini seperti sudah dilupakan oleh segelintir masyarakat yang mewarisinya.

Oleh itu, acara perayaan yang diperkenalkan oleh Masyarakat India seperti Kolam dan seni budaya India lain sangat digalakkan agar seni budaya ini lebih dikenali oleh masyarakat umum.

Selain itu, novel ini memberitahu pembaca bahawa kita perlu membalas baik kepada orang lain walaupun dia membuat jahat terhadap kita.


Yang paling menarik dalam novel ini ialah kesetiaan cinta seseorang lelaki terhadap seorang perempuan dan ketabahan watak lelaki selepas putus cinta.

Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, kita dapat gambaran bahawa sebenarnya penulis Hamka ingin mengkritik adat budayanya sendiri. Hal ini dapat diketahui melalui ungkapan dan kata-kata watak utama.

Pembaca juga akan tertarik dengan jalan cerita yang terdapat dalam buku dan juga jalan cinta antara Zainuddin dan Hayati. Pembaca akan teringin-ingin membaca buku tersebut sehingga akhirnya mengetahui cerita akhirnya sama ada bersama atau berpisah.

Kekuatan novel ini ialah dapat menarik perhatian pembaca dengan cara menulis yang menarik. Penulis berjaya menimbulkan perasaan kecewa tetapi pada masa yang sama juga berharap agar cinta antara Zainuddin dengan Hayati dapat dilunakkan semula.

Pengajaran yang ingin disampaikan dalam novel ini ialah dorongan dan motivasi daripada sahabat adalah amat penting apabila seseorang menghadapi kesesusahan. Ia menunjukkan kekuatan sahabat yang dapat membantu dalam kehidupan seseorang.



NEOARTEX Beri Penghargaan Hasil Karya Pelajar

Oleh Syarifah Nur Atikah Syed Jamal

Kota Kinabalu, 15 MEI - Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Borneo International Visual And Performing Arts Exhibition (NEOARTEX) 2015 akan mempamerkan semua karya pelajar seni untuk dipersembahkan kepada umum.

"NEOARTEX mempunyai objektif tersendiri iaitu menjadikan hasil karya seni amatir Pelajar UMS sebagai satu keluaran karya yang bertaraf antarabangsa ekoran karnival ini turut melibatkan penyertaan dari negara luar seperti Indonesia, Thailand dan Brunei Darussalam," kata Pengarah ekspo, Muhammad Safiee Elias.

Karvinial ini bermula pada 16 Mei sehingga 6 Jun 2015 diadakan di Blok Seni, Fakulti Kemanusiaan Seni Dan Warisan.

Selain itu, ia juga melibatkan penyertaan dari pelajar tahun akhir Blok Seni dari jurusan seni kreatif (Kluster Tari, Teater dan Penulisan) Teknologi Seni Visual Dan Seni Muzik.

"Dengan ada karvinial seperti ini ia dapat mengembangkan lagi kesenian yang dilakukan oleh pelajar itu sendiri serta ia dapat menaikkan kualiti karya itu di peringkat antarabangsa kelak nanti," katanya semasa majlis perasmian Karnival NEOARTEX.

Jelas Safiee, kluster tari yang membawa nama Kontemporari dan Tradisional bakal mempersembahkan tarian yang menjadi projek akhir mereka meliputi olahan Koreografi, Tarian Tradisi Sabah-Borneo, Rumpun Etnik Asia, Rampaian Melayu, Drama Tari dan Garapan Tarian Kontemporari.

"Adikarya yang merupakan Kluster Penulisan akan mempamerkan hasil kerja akhir mereka kepada orang umum dengan menghimpunkan karya-karya penulisan daripada pelbagai medium seperti novel, majalah, akhbar, penulisan ilmiah, cerpen, dokumentari, antologi puisi dan kompilasi cerita rakyat.

"Bagi Program Seni Kreatif, Kluster Teater yang memikul nama Orang Pentas Berkarya (OPERA) ini juga bakal mempersembahkan hasil kerja mereka melalui pementasan teater yang dipentaskan di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah dengan pelbagai genre," jelasnya lagi.

Bagi Program Teknologi Seni Visual pula akan mempamerkan MATRIX yang merupakan pameran karya visual, seni lukis, seni tampak, seni halus, pengiklanan, animasi, dokumentari dan filem akan ditayangkan.

"Sementara itu, Resital Muzik pula dikelolakan oleh Program Seni Muzik yang akan membuat persembahan orkestra, nyanyian, instrumen muzik mengikut major; drum, piano, gitar, seksofon dan flute, dan saya mengharapkan karya seni pelajar UMS mendapat pengiktirafan antarabangsa," kata Muhammad Shafee.

"Mengharapkan semua Pelajar UMS datang semasa karnival ini berlangsung menunjukkan tanda sokongan kepada karya pelajar tahun akhir itu sendiri serta ia dapat memupuk minat pelajar yang lain tentang kesenian dalam diri mereka," katanya Muhammad Safiee lagi.

Di samping itu, karvinial NEOARTEX 2015 turut menganjurkan pelbagai aktiviti menarik seperti *Modern Dance*, Muay Thai, karaoke terbuka, deklamasi sajak dan pertandingan pidato.

Bengkel Asas Fotografi Beri Pendedahan Kepada Pelajar

Oleh Syarifah Nur Atikah Syed Jamal

Kota Kinabalu, 9 Mei - Bengkel asas fotografi beri pendedahan kepada pelajar bagaimana untuk memahami penggunaan kamera dengan betul.

Selain itu, ia juga memupuk minat pelajar itu sendiri untuk dijadikan sebagai hobi mahupun karier di masa hadapan nanti.

"Bengkel asas fotografi ini dijalankan mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai iaitu memberi pendedahan kepada peserta yang baru dalam penggunaan fungsi kamera DSLR," kata pengarah projek, Leong Chun Keong, pelajar tahun akhir dari jurusan Seni Visual.

Selain itu, bengkel ini juga memberi tips atau khidmat nasihat berkaitan dengan pengetahuan asas fotografi," katanya lagi.

"Oleh itu, kami juga menganjurkan pertandingan fotografi kepada peserta yang mengambil bahagian dalam bengkel ini serta memberi sijil kepada para pemenang," jelas Leong.

Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar UMS terutamanya yang berminat mengikuti bengkel ini dan juga terbuka kepada peserta dari luar.

Tambahan lagi, mereka menjemput pengajar dari luar iaitu Cik Sofiah Omar yang berkemahiran tinggi dalam penggunaan kamera DSLR untuk memberi tips kepada peserta.

Dalam bengkel ini diajar penggunaan teknik foto potrait, dan teknik foto *scene* atau *candid*.

"Saya tahu bengkel asas fotografi ini melalui iklan yang diletakkan di bangunan FKSW dan saya tidak sabar ingin mengikutinya," kata Stella pelajar tahun 1 dari jurusan komunikasi yang mengikuti bengkel asas fotografi ini.

Jelas Stella lagi, "Bengkel asas fotografi ini memberi pengalaman yang baru dalam hidup saya kerana saya dari dahulu amat meminati fotografi tetapi tidak berpeluang mengikuti mana-mana bengkel kamera,"

"Bengkel kamera di luar sangat mahal kalau hendak dibandingkan di sini dan saya juga tidak sangka saya menjadi johan dalam pertandingan bengkel ini," kata Stella lagi.

Bengkel asas Fotografi ini telah dirasmikan oleh Ybng. Dr. Madya Ismail Ali Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar Dan Alumni.

Bengkel asas fotografi dijalankan pada 9 dan 10 Mei 2015 bermula dari 8 pagi hingga 5 petang, bertempat di studio Bunyi Gitar di Fakulti Kemanusiaan Seni Dan Warisan,

Seramai 20 orang peserta menyertai bengkel ini dengan bayaran RM 20 sahaja. Program ini dijalankan oleh pelajar tahun akhir teknologi Seni Visual bagi melaksanakan projek akhir mereka.



Royal Pirates di 1Borneo Hypermall untuk berjumpa dengan peminat-peminat di Sabah.

Sambutan Hangat Konsert Koir UMS 2015

Oleh Lee Chye Heong

Kota Kinabalu, 30 April - Konsert Koir anjuran pelajar Seni Muzik Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya mendapat sambutan hangat daripada orang umum.

Konsert Koir telah diadakan di Dewan Resital UMS bermula pada jam 8 malam dan berakhir pada 10 malam. Persembahan koir yang turut disertai oleh pelajar UMS, *Papar Middle School Choir*, *Sunshine Choir*, *In Unity Choral* dan *The Saints* sangat mengagumkan dan mendapat tepukan gemuruh yang daripada penonton yang hadir pada malam itu.

Masashi Kishimoto yang berasal dari Jepun yang kini merupakan penerang konduktor koir dan vokal klasik di UITM Shah Alam, dan Chi Hoe Mak, penerang muzik UCSI dijemput menjadi penerang Bengkel Koir Peringkat Negeri Sabah 2015 dan tetamu konsert koir tahun ini.

Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Profesor Dato' Haji Mohd. Hamdan Haji Adnan memuji pelaksanaan Konsert Koir Sabah ini.

"Konsert koir ini merupakan aktiviti yang bagus kerana ia menyediakan platform kepada semua pelajar UMS. Ini adalah digalakkan untuk memanfaatkan semua orang dan boleh dilestarikannya untuk meningkatkan lagi bakat yang banyak di UMS," katanya dalam majlis perasmian konsert koir pada malam tersebut.

Pengarah Konsert Koir, Cheristabella James, 23, pelajar Tahun 3 dari program Seni Muzik berkata konsert koir ini adalah dijalankan bersama Bengkel Koir Peringkat Negeri Sabah dan tahun ini merupakan tahun keempat bengkel ini dianjurkan oleh pelajar Seni Muzik.

"Tujuannya adalah untuk mewujudkan integrasi di antara pelajar muzik dan pemuzik-pemuzik lain di negeri Sabah, selain meningkatkan mutu persembahan dan keyakinan diri dalam persembahan koir serta kemahiran dan pengetahuan pemuzik dalam pengurusan koir," tambah Cheristabella.

Bellau memberi harapan kepada juniornya supaya dapat menjalankan program ini dengan lebih baik dan mengagumkan pada masa depan.



Salah satu persembahan koir yang diiringi oleh penerang Seni Muzik UMS, Adson Matthew Mitty Gabu.

Royal Pirates Jatuh Cinta Pada Makanan Malaysia

Oleh Tam Poh Yee

Kota Kinabalu, 1 Mei - Royal Pirates, American-Korean rock Band berkata bahawa mereka tertarik dengan makanan di Malaysia terutamanya satay kerana rasanya yang istimewa semasa ditemu ramah oleh pengacara dalam sesi bersama peminat di 1Borneo Hypermall.

Sebelum mereka datang ke Malaysia, mereka telah mencari makanan yang istimewa di Malaysia melalui Google daya tarikan sendiri.

Bagi Soo Yoon, satay merupakan makanan yang paling disukainya sehingga meluahkan "Aku Cinta Satay" manakala James lebih suka laksa di Malaysia.

Mereka juga cuba makanan laut seperti sup ketam dan ayam rending.

Mereka juga sempat mengunjungi *Mari-Mari Cultural Village* di Sabah dan sangat menikmati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Mereka berhasrat untuk cuba raja buah-buahan iaitu durian tetapi tiada peluang untuk mencubanya, begitu juga dengan nasi ayam.

Semasa menghadapi dengan soalan tentang jenis-jenis gadis yang disukai, walaupun ketiga-tiga ahli dalam Royal Pirates berasa malu, tetapi mereka juga menjawab soalan tersebut dengan ikhlas.

Bagi Soo Yoon, dia lebih suka perempuan yang aktif dalam aktiviti luaran, Moon Chul pula bergantung kepada sifat perempuan tersebut dan James lebih suka perempuan yang comel dan manis.

Selain itu, mereka juga pandai menawar ahli peminat dengan meluahkan "Aku cinta padamu" dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Korea, menyebabkan emosi peminatnya mendidih.

Mereka berasa gembira kerana dapat berjumpa dengan peminat-peminat di Malaysia dan berharap dapat kembali lagi dengan album seterusnya.

Kebanyakan peminat dalam sesi tersebut merupakan peminat baru Royal Pirates dan pertama kali berjumpa dengan mereka.

Mun Yan dan Seow Li, peminat baru Royal Pirates dan juga pertama kali berjumpa dengan artis K-Pop berkata bahawa mereka lebih suka James kerana dia cacak dan bergaya semasa bermain bass, dan juga mempunyai daya tarikan sendiri.

"Saya lebih suka lagu *Love Toxic*, selepas mendengar lagu ini, saya berasa tertarik dengan melodi dan lirik lagu ini," kata Mun Yan.

"Saya pula lebih suka lagu *Haru* kerana melodinya sedap dan berasa selesa semasa dengar," kata Seow Li.

Selain itu, mereka juga ingin perkenalkan makanan di Malaysia kepada ahli kumpulan Royal Pirates iaitu *Char Kuey Tiao* dan *Ais Kacang*.

"Ais kacang sesuai dimakan di Malaysia kerana cuaca di Malaysia sangat panas terutamanya kebelakangan ini, saya rasa mereka boleh cuba makan ais kacang," kata Seow Li.

Selain itu, mereka juga berharap album Royal Pirates seterusnya dapat diterbitkan dengan cepat dan berjumpa lagi dengan peminat-peminat di Malaysia.

"Saya juga berharap mereka dapat mengadakan konsert mereka di Malaysia, saya mesti hadir konsert tersebut," kata Seow Li dengan gembira.

Royal Pirates merupakan kumpulan muzik yang ditubuh pada tahun 2004 di Amerika, kemudian mereka kembali ke Korea dan debut sebagai kumpulan yang baru dan terdiri daripada tiga ahli iaitu Kim Moon Chul, Kim Soo Yoon dan James Lee.

Ini kali pertama mereka mengadakan sesi autograph dan perjumpaan dengan peminat mereka di Malaysia dan Kota Kinabalu merupakan tempat pertama untuk autograph mereka bagi album mini kedua, <Love Toxic>.

Dalam autograph tersebut, mereka telah mempersembahkan lima lagu yang ada dalam album mini mereka iaitu *Shout out*, *Seoul hillbilly*, *Haru*, *Love toxic* dan *Drawing the line*.



<Love Toxic>, album mini baru kumpulan Royal Pirates.



Karya fotografi Stella yang menjuarai dalam pertandingan fotografi.

Penyanyi Soprano Mengejutkan Para Penonton

Oleh Lim Wan Zhin

Kota Kinabalu, 1 Mei - Antara pelbagai persembahan koir, penyanyi Soprano menerima tepukan paling banyak dari para penonton "Konsert Koir" pada malam 30 April yang lalu.

Konsert Koir telah berlangsung pada jam 7.40 malam hingga jam 10.30 malam di Dewan Resital UMS dengan sambutan yang meriah dari warga UMS serta orang awam.

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) merupakan pihak penganjur bagi konsert ini.

Avelyn Chua, seorang guru muzik di Sabah Institute of Art dijemput dan mempersembahkan lagu *Der helle Rache*. Pada mulanya, para penonton masih menanti klimax lagu ini. Setelah sampai bahagian korus, nyanyian Avelyn berjaya memeriahkan suasana Konsert Koir dengan kemahiran Soprano yang hebat.

"Nyanyian Avelyn Chua sangat menarik. Saya rasa beliau mempunyai kemahiran yang tinggi dalam Soprano," kata seorang penonton,

Emillia Andrew Ayus, 23.

"Ini adalah kali pertama saya mendengar nyanyian lagu ini secara langsung, dulu hanya mendengar di depan TV sahaja," tambahnya.

Selain itu, persembahan koir daripada pelajar FKSW, Rhowell Rolland Pagi juga mendapat sambutan yang meriah.

Rhowell mempersembahkan lagu bahasa Itali *Lascia Ch'io Pianga* mendapat ribuan tepukan.

Pelajar-pelajar dalam pengajian Seni Muzik berjaya menunjukkan mereka mempunyai kemahiran yang tinggi dalam persembahan Konsert Koir.



Penyanyi Soprano, Avelyn Chua berjaya mengegar bumbung Dewan Resital dengan bakat menyerlah.

Saya Bersyukur Dan Tidak Menjangka Bahawa Akan Menang – Mohd Ezyree Bin Jakaria

Oleh Nor Alieza bt. Ahmad Azni

Kota Kinabalu, 18 Mei – Juara pertandingan karaoke Kolej Kediaman Tun Fuad Stephens, Muhamad Ezyree Bin Jakaria, 21, kata bahawa dia berasa bersyukur dan tidak menjangka bahawa dia terpilih untuk memenangi pertandingan tersebut.

Dia yang membawakan lagu 'Bahagiamu Deritaku' nyanyian artis terkenal Hafiz Suip, kelihatan teruja di atas kemenangan tersebut.

"Saya berasa seronok dapat menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh kolej kediaman ini. Hal ini kerana menyanyi memang merupakan salah satu daripada hobi saya dan saya sememangnya berasal daripada keluarga seni," katanya.

Naib juara yang ditemubual, Sharadjane Binti Rasul, 23 tahun pula turut melahirkan perasaan gembira kerana terpilih untuk menjadi naib juara pertandingan tersebut.

Dia yang merupakan pelajar tahun akhir jurusan Ekonomi Kewangan UMS kelihatan sangat gembira ketika ditemubual.

"Saya sekadar cuba menyertai pertandingan ini dan bersyukur kerana diberi kepercayaan oleh juri untuk menjadi naib juara bagi pertandingan ini," katanya.

Berkongsi hobi yang sama seperti juara pertandingan, dia mengakui bahawa dia amat mementingkan bidang nyanyian namun tidak bergiat aktif dalam bidang tersebut.

Pemenang pertandingan ini masing-masing menerima hamper dan sijil penyertaan.

Kolej Kediaman Tun Fuad Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan pertandingan karaoke sempena program majlis gotong-royong versi 2.0 dengan kerjasama sekretariat dan jawatankuasa kolej kediaman itu.

Pertandingan karaoke ini bertujuan untuk mencungkil bakat terpendam residen-residen kolej kediaman Tun Fuad di samping mengisi waktu lapang pelajar-pelajar pada hujung minggu dengan aktiviti yang berfaedah.

Pertandingan ini bermula pada jam 10.30 pagi dan mendapat penyertaan seramai 20 orang daripada warga kolej tersebut.

Biarpun hanya 20 orang yang menyertai pertandingan ini, namun persaingan sengit jelas kelihatan antara peserta kerana masing-masing mempunyai vokal suara yang unik dan mantap.

Juri-juri bagi pertandingan karaoke ini adalah Encik Masran Bin Tamin merangkap felo kolej serta Khairul Azmi Bin Mustafa yang merupakan mantan jawatankuasa kolej tersebut.

Pertandingan karaoke tersebut berakhir pada kira-kira jam 2 petang.

Selain pertandingan karaoke, kolej kediaman tersebut turut menganjurkan pertandingan bola jaring dan street soccer selepas majlis gotong-royong tersebut.



Juara pertandingan karaoke Kolej Kediaman Tun Fuad Stephens senyum gembira.

Fast & Furious 7 Beri Kelainan

Oleh Nor Alieza bt. Ahmad Azni

Produksi Universal Pictures kembali lagi dengan filem terbaru mereka iaitu *Fast & Furious 7*. Filem ini merupakan sambungan daripada filem *Fast & Furious 6*.

Pengarah bagi filem ini merupakan anak kelahiran Kuching, Sarawak iaitu James Wan yang pernah mengarah beberapa filem seram terkenal seperti filem *Insidious* dan *The Conjuring*. Penulis skrip bagi filem ini pula adalah Chris Morgan.

Filem bergenre aksi ini membariskan pelakon-pelakon terkenal seperti Vin Diesel, Paul Walker, Dwayne Johnson, Michelle Rodriguez, Jason Statham, Jordana Brewster, Tyrese Gibson, Ludacris dan beberapa lagi pelakon lain.

Sinopsis filem ini mengisahkan Dwayne Johnson yang memegang watak sebagai Ian Shaw ingin membalas dendam terhadap Dominic Toretto (Van Diesel) dan keluarganya kerana telah menyebabkan adiknya, Owen Shaw (Luke Evans) lumpuh dan terlantar di hospital.

Konflik seterusnya timbul apabila Dominic Toretto dan rakan-rakannya menerima tugas untuk menyelamatkan seorang penggodam komputer yang telah diculik

kerana berjaya mencipta satu alat berteknologi tinggi yang boleh mengesan kedudukan seseorang di mana sahaja.

Biarpun filem ini merupakan sambungan daripada *Fast & Furious 6*, namun kelainannya jelas terlihat apabila tidak banyak aksi melibatkan perlumbaan kereta seperti filem-filem lepas. Sebaliknya, pengarah tampil kreatif dengan memaparkan aksi-aksi di luar batasan pemikiran.

Jalan cerita filem ini tidak mengecewakan apabila pengarah dan penulis turut menggarap nilai kasih sayang, persahabatan dan kekeluargaan biarpun mereka terpaksa berhadapan dengan dua masalah pada masa yang sama.

Sementara itu, watak Brian O'Conner yang dilakonkan oleh Paul Walker pula telah digantikan dengan adik kandungunya Cody Walker setelah Paul meninggal dalam satu kemalangan jalan raya pada 30 November 2013 ketika penggambaran filem ini masih sedang berlangsung.

Pada pengakhiran filem ini, pengarah menghasilkan tribute khas untuk Paul Walker sebagai tanda ingatan atas lakonannya bermula daripada filem *Fast Furious* sehinggalah kepada *Fast & Furious 7*.



Para pelakon dalam *Fast & Furious 7*. (Poster filem sumber daripada internet)

Mampukah Hansel And Gretel Menumpaskan Ahli Sihir?

Oleh Ainul Durmahyanty bt Durming

Filem *'Hansel and Gretel'* mengisahkan tentang sepasang adik beradik yang dikenali sebagai Hansel dan Gretel lakonan Jeremy Renner serta Gemma Arterton.

Filem yang bergenre aksi, komedi dan seram ini merupakan arahan Tommy Wirkola.

Tommy sebelum ini pernah mengarahkan beberapa filem komedi seram seperti *'Norwegian Nazi Zombie'* serta *'Dead Snow'*.

Secara umumnya filem *'Hansel and Gretel'* ini merupakan kesinambungan kepada kisah dongeng Hansel dan Gretel oleh *Brothers Grimm*, di mana ia menceritakan tentang Hansel dan Gretel yang ditinggalkan oleh bapa mereka di dalam sebuah hutan dan pada ketika itu mereka telah memasuki sebuah rumah yang dikenali sebagai *'Gingerbread'*.

Sewaktu berada di dalam rumah tersebut, adik beradik ini telah ditahan oleh seorang ahli sihir tua dan mereka nyaris di makan oleh ahli sihir tersebut. Namun begitu, sebelum menjadi makanan kepada ahli sihir tersebut, Hansel dan Gretel telah sempat menyelamatkan diri mereka dengan mencampakkan ahli sihir jahat itu ke dalam sebuah ketuhar.

Selepas daripada insiden tersebut, adik-beradik ini telah menjadi berani dan menjalankan aktiviti memburu serta menghapuskan ahli sihir.

Segala konflik bermula apabila Hansel dan Gretel mendapat tahu bahawa ahli-ahli sihir bakal mengadakan 'Perayaan Bulan Darah', yang mana mereka perlu mengorbankan 12 orang kanak-kanak, di mana masing-masing merupakan enam orang lelaki dan

enam orang perempuan yang lahir pada bulan yang bertalian. Mampukah Hansel dan Gretel menyelamatkan kanak-kanak tersebut?

Dalam usaha untuk menumpaskan ahli-ahli sihir, tiba-tiba Hansel dan Gretel mendapat tahu bahawa ibu mereka juga merupakan seorang ahli sihir yang bernama Adrianna dan disebabkan itu bapa mereka meninggalkan adik beradik ini di dalam hutan pada suatu ketika dahulu.

Apakah yang akan terjadi selepas itu?

Ingin ketahui lebih lanjut, jangan lupa untuk menonton filem *'Hansel and Gretel'* di pawagam berhampiran anda sekarang!



KARNIVAL SYIOKNYA FUTSAL 2015 DISAMBUT MERIAH

Oleh Muhd Fakrul Razi

Kota Kinabalu, 15 Mei - Karnival Syioknya Futsal 2015 kali ke-empat anjuran Pusat Sukan UMS yang diadakan di Futsal Arena UMS mendapat sambutan yang baik dari kalangan mahasiswa UMS.

Karnival ini yang berlangsung dari 21 hingga 22 Mac tidak mengenakan sebarang yuran penyertaan kepada pelajar dan menasarkannya sebanyak mungkin penyertaan daripada pelajar.

Menurut Pegawai Pusat Sukan UMS, En Azman Soaiba menyatakan objektif kejohanan ini diadakan bertujuan untuk riadah kepada pelajar kerana ia diadakan pada hujung minggu serta memupuk dan menentang bakat bermain futsal di kalangan pelajar UMS.

"Dengan adanya Karnival Syioknya Futsal ini, kita dapat memilih pemain yang akan mewakili UMS di Sukan Negeri Sabah dan SUKIPT serta pertandingan futsal IPT," katanya.

"Saya juga harap agar penyertaan ini akan menarik lebih ramai lagi pelajar baik lelaki mahupun perempuan untuk menyertainya pada masa akan datang," tambahnya lagi.

Karnival ini menyaksikan pasukan Gerakan Garuda telah muncul juara dalam pertandingan edisi kali ini.

Ketua pasukan, Andik Habibi kata bahawa mereka berasa amat gembira kerana menjuarai pertandingan ini dan perasaan seolah-olah sukar untuk digambarkan.

"Sikap kerjasama yang paling penting kerana tanpa kerjasama kita tidak dapat berdiri sebagai satu pasukan," katanya. Sikap kesabaran juga perlu kerana corak permainan yang laju dan kasar.

"Jadi, adalah penting untuk bersikap sabar dan memaparkan satu permainan yang baik," katanya lagi.



Gambar pemenang Futsal 2015 bersama Pegawai Belia dan Sukan Kanan Pusat Sukan UMS (tengah).

WAKIL PERSEORANGAN BADMINTON KOLEJ ANGKASA KANDAS

Oleh Mohd Faiz bin Madan

Kota Kinabalu, 13 Mei - Harapan untuk menyaksikan aksi tunggal wakil kolej kediaman Sri Angkasa dalam acara perseorangan lelaki pada Kejohanan Badminton terbuka Angkasa musnah apabila Abdul Jalil Maibahar tewas kepada Faiz Samad pada hari Rabu.

Pemain Abdul Jalil Maibahar dari Kelab Badminton tersungkur *straight set*, 21-15, 16-21, 19-21 dalam tempoh 55 minit kepada Faiz Samad.

Dengan kekalahan tersebut menyaksikan tiada lagi wakil dalam acara perseorangan lelaki yang mampu menghangatkan perlawanan kejohanan badminton pada hari itu.

"Ini merupakan perlawanan pertama saya. Bagaimana pun keputusan ini dianggap permulaan yang baik dalam kempen kejohanan dan saya mahu menang untuk kolej, serta diri sendiri," jelas Jalil sebaik sahaja perlawanan berakhir.

"Perasaan sudah tentu berbentuk positif jenis gembira, mungkin saya perlu meningkatkan lagi latihan untuk menghadapi kejohanan akan datang," tambahnya lagi.

Katanya, beliau mengucapkan tahniah kepada yang menjuarai pertandingan ini dan diharap dapat meningkatkan prestasi serta terus berkecimpung dalam dunia badminton.

Bercakap mengenai penganjuran sukan berkenaan, Abdul Jalil berasa bahawa penganjuran sukan tersebut perlu diperkemas lagi dari segi perancangan masa.



NURAI SYAH DAN FATHIHA BAWA PULANG PINGAT EMAS DALAM SUKAN PETANQUE

Oleh Nafisa binti Otong

Kota Kinabalu, 26 Mei - Nuraisyah binti Yahaya dan Aisyah Fathiha binti Ma'alif telah berjaya mengahurumkan nama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan pingat emas kategori *double* (wanita) dalam kejohanan Petanque IPT 2015 pada 24 hingga 25 Mei yang lalu.

Nuraisyah merupakan atlet yang menanam tekad untuk mengahurumkan nama negara. Aisyah telah melayakkan diri bagi mewakili UMS dalam kejohanan *Grandfinale IPT* 2015 di Melaka pada 29 hingga 31 Mei yang akan datang.

Pelajar UMS yang mengambil jurusan sains sukan, Nuraisyah Binti Yahaya, 21, bersama rakan kumpulannya Aisyah Fathiha Binti Ma'alif, 22, telah menumpaskan lawan dengan mata 13-0 dalam kejohanan Petanque IPT 2015 tersebut.

Mereka telah membawa pulang wang tunai sebanyak RM500

berserta trofi dan sijil.

Menurut Aisyah, dia telah mula berjinak dalam sukan petanque sejak di bangku sekolah lagi.

"Saya mula mementingkan sukan ini sejak berumur 13 tahun lagi, namun sempat berkecimpung dalam sukan petanque sejak berumur 16 tahun dan sehingga sekarang," katanya.

"Tahun lepas, saya juga telah mewakili Melaka dalam kejohanan SUKMA dalam acara *double* wanita dan mendapat tempat pertama," tambahnya.

Katanya, dia kini sedang membuat persiapan rapi bagi mencapai misi dalam sukan petanque ini.

"Saya akan berlatih setiap hari dan membuat persiapan rapi agar dapat membawa nama UMS serta mencapai matlamat utama iaitu menjadi pemain

petanque wanita Malaysia," ujarnya lagi.

Menurut Aisyah lagi, sebagai seorang atlet perlu bijak bahagikan masa antara sukan dan belajar. Walau sesibuk manapun, seorang pelajar mesti pandai mencuri masa untuk bersukan bagi mengurangkan tekanan sekaligus kesihatan badan turut terjaga.



Penyampaian hadiah kepada pemenang sukan petanque kategori double (wanita).

SAMBUTAN KARNIVAL MEGA SUKAN SRI ANGKASA MEMBERANGSANGKAN

Pertandingan 'Street Soccer' yang dianjurkan dalam Karnival Sukan Mega KSA.



Oleh Izzuddin Bin Madzain

Kota Kinabalu, 26 April – Karnival Mega Sukan anjuran Exco Sukan Dan Rekreasi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Sri Angkasa (KSA) berlangsung meriah pada 18 dan 25 April dan dapat penyertaan yang berbangsangkan daripada penghuni KSA.

Objektif program ini memberi peluang kepada pelajar untuk menunjuk dan mengasah bakat mereka di samping mengeratkan silaturahim dalam kalangan penghuni KSA.

Pengarah Program Karnival Mega Sukan Sri Angkasa, Lexchan Susuan, 22, berkata, "Idea program ini adalah dari pihak Hal Ehwal Pelajar memandangkan sukan ialah salah satu aktiviti yang merapatkan hubungan antara mahasiswa selain mengasah bakat mereka."

Menurutnya lagi, walaupun program ini telah berjalan serentak dengan Sukan Masa-ajuran pihak UMS, namun penyertaan karnival ini adalah sangat memberangsangkan.

"Saya harap juga pihak JAKMAS akan menambah sukan lain seperti softball dan ping-pong pada masa akan datang," tambahnya lagi.

Empat jenis sukan yang dipertandingkan ialah 'Street Soccer', sepak takraw (lelaki), badminton terbuka kepada empat kategori iaitu perseorangan lelaki dan wanita dan beregu lelaki dan wanita, serta bola tampar terbuka lelaki dan wanita.

Sidang Redaksi



Barisan Atas: Eoon Qi Ting, Azzerah, Elvy Lim, Charlene, Muliadi, Mustamin, Faiz, Fakrul, Izud, Ensol, Frona, Faizah Zainol, Sharifah Nur Atikah, Afihanah, Nor Alieza.
 Barisan Tengah: Mazrina, Nasha, Hana, Vicky, Dorina, Juliana, Velentina, Ain, Lee Chye Heong, Soh Xiao Ning, Eqa, Liza, Lee Shu Sin.
 Barisan Bawah(Duduk): Judas Gunsalam, Ofranis Betley, Siti Nur Hidayah, Brenda Choo, Kattiny. Bantan

Tiada dalam gambar: Mohd Safwan, Nur Fatin, Ainul Durmahyanty, Muhammad Shahriz, Connielya, Azlan, Shiela, Azri, Izat, Andyrias, Jaidin, Azmi, Hafiz Zul, Mahirah, Mariane, Norhamizah, Norzatul, Nur Sabatiah, Nur Shazelina, Siti Norliza, Junaidi, Lu Siao Wee, Zuratikah, Yonna, Pauzia, Norhaslida, Herry Rena, Molly, Marsha, Anwar, Amniera, Herni, Suhaima, Noor Suzieyana, Dayang Siti Rabiatal, Siti Khadijah, Nur Hidayah, Nurul Atikah, Yusmaazima, Nurfaezah, Werline, Saira, Jessica, Fanilah, Sabri Sarih, Tam Poh Yee, Abdul Razak, Muslimin, Hasrul, Firdaus, Kassim, Nafisa, Asfaazurah, Nadiya.

Penaung

Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan

Prof. Dato Mohd Hamdan Adnan

Penasihat

Pensyarah AK20903 Penyuntingan

Dr Haryati Abdul Karim

Jawatankuasa Pelaksana Projek

Ketua Editor

Siti Nur Hidayah bt Mohd Ali Nafiah

Meja Grafik

Brenda Choo Ly Er

Mohd Safwan Astidiq bin Addnan

Editor Meja Berita UMS

Kattiny Anak Bantan

Editor Meja Komuniti

Nur Fatin Syakila Baddu

Editor Meja Rencana

Ofranis Betley

Editor Meja Kreatif

Brenda Choo Ly Er

Editor Meja Hiburan

Ainul Durmahyanty bt Durming

Editor Meja Sukan

Muhammad Shahriz

Wartawan Meja Berita UMS

Connielya Bejamin
 Dorina Anak Sebm
 Nuratiqah Mohamad Darus
 Nurul Hana bt Penggayang
 Mazrina bt Kalinggalan
 Azlan bin Roslih
 Shiela Ismail
 Azri bin Johari
 Muhammad Izat bin Shamsudin
 Sharifah Najaa Wafa bt Syed Atrash
 Andyrias Alat
 Jaidin bin Sabudin
 Afihanah bt Ahmad Laili

Wartawan Meja Komuniti

Azmi bin Oligario @ Mansur
 Azzerah bt Gendiris
 Dayang Nur Ain Suhaimi
 Hafiz Zul Kuin
 Judas Gunsalam
 Juliana Tintin Agus
 Mahirah bt Mahram
 Mariane bt Mohd Hassan
 Norhamizah bt Muhamad Nor
 Norzatul Bardah bt Sabaruddin
 Nur Sabatiah Tamring
 Nur Shazelina bt Amir
 Siti Norliza Amin
 Valentina Kavitha
 Vikneswary a/p Ramachnadaran

Wartawan Meja Rencana

Junaidi bin Kennedy
 Lu Siao Wee
 Wan Zuratikah Iffah bt Wan Zulkifli
 Yonna Edona Jonas
 Pauzia Pangout
 Norhaslida Sakri
 Herry Rena Bt Kim Lee
 Molly Jikulloi
 Marsha Sharron Tan
 Mohd Anwar bin Naseebgul
 Ensol Langgayat
 Siti Nur Hidayah Binti Mohd Ali Nafiah
 Amniera Naziera binti Amran
 Nornasha binti Sabli
 Herni Enida Haron

Wartawan Meja Kreatif

Suhaima binti Suhaimi
 Noor Suzieyana binti Rohim
 Dayang Siti Rabiatal Adawiyah bt Abdul Latif
 Siti Khadijah bt Awang
 Siti Norfaizah bt Zainol Abidin
 Nur Hidayah bt Ibrahim
 Nurul Atikah bt Yusof
 Eoon Qi Ting
 Lee Shu Sin
 Yusmaazima Jafri
 Nurfaezah Abd Ghani
 Werline Ayu William
 Saira Latief Abd Latiff

Wartawan Meja Hiburan

Charlene Sunmogrom
 Lim Wan Zhin
 Frona Galimas
 Jessica Daris Tudol
 Lee Chye Heong
 Soh Xiao Ning
 Nor Hasnizan Azan
 Fanilah
 Muhammad Sabri bin Sarih
 Syarifah Nur Atikah Syed Jamal
 Tam Poh Yee

Wartawan Meja Sukan

Abdul Razak bin Datu Lajabiti
 Muslimin bin Samsuddin
 Mustamin bin Lapioe
 Muliadi bin Massarappi
 Muhd Hasrul Bodani
 Muhd Firdaus Montel
 Muhd Fakrul Razi
 Kassim bin Tajual
 Nafisa bt Otong
 Asfaazurah bt Alin
 Nadiya Safwanah bt Mohd Nooh
 Muhammad Shahriz
 Izzuddin
 Mohd Safwan Astidiq bin Addnan
 Mohd Faiz bin Madan